

2009

Laporan Tahunan Annual Report



Bringing the world to Malaysian entrepreneurs



Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Malaysia External Trade Development Corporation

Perutusan Pengerusi	2
Maklumat Korporat	6
_Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia Akta 1992	
_Visi, Misi dan Fungsi-fungsi	
_Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit	
_Pengurusan Kanan	
_Struktur Organisasi	
_Cawangan Tempatan dan Rangkaian Antarabangsa	
Tumpuan Korporat	24
_Tumpuan Aktiviti Penggalakan Perdagangan	
_Memperluaskan Perniagaan Halal	
_Mengoptimakan Peluang Perniagaan Serantau	
_Penjenamaan Sektor Perkhidmatan Malaysia	
_Strategi Pemasaran	
_Peningkatan Sumber Manusia	
_Pengiktirafan Kecemerlangan	
_Perkongsi Pengetahuan	
_Merancang Hala Tuju	
Prestasi Perdagangan	34
_Tahun Yang Mencabar	
_Rakan Perdagangan Utama	
_Pasaran Serantau	
_Mara Ke Hadapan	
Pasaran Sasaran	44
_Memperluaskan Pasaran Global Malaysia	
_Produk dan Perkhidmatan	
_Kerjasama dengan Kementerian, Agensi Kerajaan dan Persatuan Perdagangan	
Perkhidmatan Sokongan Dagangan	68
_Memperkasakan Pengeksport	
_Membimbing Pengeksport EKS	
_Sokongan Kewangan	
_Pemudahan Eksport	
_Anugerah Kecemerlangan Eksport	

Perutusan Pengerusi

Malaysia mencatat lebih dagangan bagi kali ke-12 berturut-turut pada 2009 dengan nilai dagangan sebanyak RM118.35 bilion. Jumlah perdagangan Malaysia menurun 16.6 peratus kepada RM988.24 bilion dari RM1.185 trilion yang dicatat dalam tahun 2008. Kemelesetan ekonomi dunia pada 2009 juga mengakibatkan penurunan perdagangan global.

Eksport menurun sebanyak 16.6 peratus kepada RM553.3 bilion, berbanding RM663.49 bilion pada 2008. Nilai import menurun sebanyak 16.6 peratus kepada RM434.94 bilion dalam tahun 2009 berbanding RM521.61 bilion pada 2008. Penurunan ini adalah akibat daripada permintaan yang kurang oleh rakan perdagangan utama Malaysia akibat daripada kemelesetan ekonomi global.

Sektor eksport utama yang terdiri daripada perkilangan, pertanian dan galian serta minyak galian telah mencatatkan penurunan nilai eksport pada 2009. Perkilangan yang menyumbang sebanyak 74.4 peratus daripada jumlah eksport negara telah menurun sebanyak 11.4 peratus kepada RM411.4 bilion. Sektor galian serta minyak galian yang menyumbang 14.7 peratus daripada jumlah eksport, mengecut sebanyak 32.5 peratus kepada RM81.5 bilion. Eksport pertanian menurun sebanyak 22.7 peratus kepada RM55.46 bilion.

Pasaran rantau utama Malaysia pada 2009 tidak berubah, yang terdiri dari Asia Timur Laut, Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Amerika Utara, Kesatuan Eropah (EU) dan Asia Barat. Pada 2009, Republik Rakyat China menggantikan Singapura sebagai rakan perdagangan terbesar berbanding kedudukan keempat pada 2008. Ini diikuti oleh Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Thailand.

Walaupun dalam keadaan kemerosotan ekonomi global, MATRADE secara agresifnya meneruskan aktiviti-aktiviti penggalakan perdagangan bagi produk dan perkhidmatan. Pada 2009, sejumlah 206 aktiviti penggalakan perdagangan telah dilaksanakan untuk membantu pengeksport Malaysia meluaskan pasaran



eksport. Program penggalakan ini termasuk penyertaan dalam dua Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri dan 28 Pameran Perdagangan Antarabangsa serta penganjuran tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan, 27 Misi Pemasaran, 27 Misi Belian, 46 Kaunter Promosi, 37 Seminar, Taklimat dan Bengkel serta 32 Kaunter Penerangan di pameran tempatan.

Dalam tahun 2009, pencapaian yang memberangsangkan dicatatkan melalui pelbagai aktiviti penggalakan perdagangan dengan jualan langsung bernilai RM2.7 bilion dan jualan dalam rundingan sebanyak RM12.07 bilion. Program Pameran Perdagangan Antarabangsa menghasilkan jualan langsung sebanyak RM1.98 bilion dan jualan dalam rundingan berjumlah RM7.94 bilion. Misi Perdagangan dan Pelaburan mencatatkan jualan langsung sebanyak RM27.46 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM433.47 juta manakala Misi Jualan Khusus dan

Misi Jualan Am mencatat jualan langsung dengan nilai RM34.68 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM1.25 bilion.

Misi Belian yang diselaraskan pada 2009 dan pertemuan perniagaan yang dianjurkan sempena Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Bahrain, Qatar dan Republik Rakyat China secara kolektif telah menjana jualan langsung bernilai RM656.62 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM2.4 bilion.

Selain daripada penyertaan dalam pameran antarabangsa di luar negara, MATRADE meneruskan penganjuran dua pameran antarabangsa utama dalam negara. Pameran *Malaysia International Halal Showcase 2009* (MIHAS) dari 6 hingga 10 Mei mempromosikan pelbagai produk dan perkhidmatan Halal manakala *International Trade Malaysia 2009* (INTRADE Malaysia) dari 10 hingga 12 November 2009 mempamerkan produk perkilangan dan perkhidmatan yang meliputi 30 sektor industri. Kedua-dua pameran perdana ini masing-masing menghasilkan jualan sebanyak RM3.24 bilion dan RM4.73 bilion.

Bagi sektor perkhidmatan, rantau Asia Barat terus menjadi tumpuan aktiviti penggalakan MATRADE pada 2009. Program utama sektor perkhidmatan adalah penganjuran kali kedua *Malaysia Services Exhibition 2009* (MSE 2009) di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu, dari 17 hingga 19 Mac 2009. Pameran ini bertujuan mempertingkatkan visibiliti sektor perkhidmatan Malaysia dari segi kemampuan serta kemahiran pembekal-pembekalnya. Sejumlah 51 projek berpotensi dengan nilai RM8.45 bilion telah dikenalpasti dalam sektor pembinaan, perkhidmatan profesional, minyak dan gas, pendidikan dan latihan khusus, penjagaan kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta penjana kuasa dan tenaga. Projek-projek ini telah dikenalpasti oleh pembekal perkhidmatan Malaysia menerusi pertemuan perniagaan yang diadakan serta hubungan perniagaan yang dijalin semasa pameran.

Selain menjalankan aktiviti promosi perdagangan, MATRADE juga memainkan peranan penting dalam pembangunan pengeksport melalui pembinaan keupayaan enterpris kecil dan sederhana (EKS). Sejumlah 37 program latihan meliputi seminar, taklimat, bengkel dan forum yang dijalankan telah dimanfaatkan oleh 6,147 peserta dari 4,542 syarikat. Program-program latihan ini merangkumi aspek kemahiran pemasaran, syarat dan peraturan perdagangan serta peluang-peluang perniagaan eksport.

Bagi membantu EKS mengurangkan kos aktiviti-aktiviti promosi eksport yang kian meningkat, MATRADE menyediakan bantuan kewangan melalui Geran Pembangunan Pasaran (MDG), Geran Promosi Jenama (BPG) serta Dana Eksport Perkhidmatan (SEF). Sejumlah RM22.61 juta telah disalurkan kepada 1,272 syarikat

melalui MDG, RM33.8 juta kepada 20 syarikat melalui BPG manakala RM68.56 juta kepada 674 pembekal perkhidmatan Malaysia melalui SEF.

Usaha meningkatkan jumlah pengeksport Bumiputera diteruskan di bawah Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP). Program ini memberi tumpuan untuk membangun serta meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan eksport. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seminar, bengkel, lawatan sambil belajar, taklimat, sesi perundingan, bimbingan perniagaan secara peribadi dan penyertaan di dalam aktiviti penggalakan perdagangan antarabangsa. Bagi tahun 2009, sejumlah 15 syarikat telah dipilih menyertai program ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 73 syarikat semenjak ia diperkenalkan pada 2004.

Bagi meningkatkan penyertaan usahawan wanita dalam sektor eksport, MATRADE meneruskan usaha pengambilan serta membimbing syarikat milikan wanita baru di bawah Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP). Sembilan syarikat telah dipilih di bawah WEDP pada 2009 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 48 syarikat semenjak ia diperkenalkan pada 2005.

Sejajar dengan komitmen menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada *stakeholders*, MATRADE telah memberikan keutamaan kepada pembangunan sumber manusia. Pada 2009, MATRADE telah mengendalikan 130 program berkaitan pembangunan Sumber Manusia yang meliputi aspek Kepimpinan, Pengurusan, Kemahiran Bahasa, Kewangan, Pemasaran dan Teknologi Maklumat.

Pada 2009, MATRADE telah menerima anugerah *Special Appreciation Award for Organisation* sempena Malam Anugerah Francais yang dianjurkan bersama oleh Persatuan Francais Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Anugerah ini mengiktiraf sumbangan MATRADE terhadap pembangunan industri francais Malaysia.

Tinjauan Perdagangan

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan ekonomi dunia akan pulih pada 2010 dengan kadar sederhana iaitu sebanyak 3.1 peratus berbanding negatif 1.1 peratus pada 2009. Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) meramalkan perdagangan dunia akan meningkat sebanyak 4.5 peratus pada 2010. Eksport Malaysia pada

2010 dijangka meningkat di antara enam hingga tujuh peratus berikutan peningkatan permintaan pasaran utama hasil daripada langkah-langkah kewangan dan fiskal yang telah diperkenalkan untuk merangsangkan ekonomi negara-negara ini.

Tahun 2010 akan menyaksikan Malaysia terus menerokai peluang perdagangan di pasaran yang giat berkembang khususnya Republik Rakyat China, India dan Asia Barat di mana pasaran-pasaran ini menunjukkan perkembangan yang menggalakkan lima tahun kebelakangan ini. Pasaran baru seperti Afrika, Asia Tengah serta Eropah Timur juga akan turut diterokai memandangkan kuasa beli pengguna di rantau ini adalah tinggi. Di dalam usaha untuk mempelbagaikan sektor produk eksport serta pasaran baru, MATRADE akan mempergiatkan aktiviti-aktiviti penggalakan bagi mengenalpasti peluang-peluang eksport khususnya di pasaran sedia ada serta pasaran baru muncul.

Sejajar dengan Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ke-10 yang diumumkan oleh Kerajaan tahun ini, MATRADE turut melangkah ke hadapan dengan mengatur semula strategi penggalakan eksport dan program bagi tahun 2010. Tumpuan diberi kepada mempromosikan eksport bernilai tinggi, membangun lebih ramai pengeksport EKS, mempergiatkan aktiviti-aktiviti penggalakan eksport perkhidmatan, mempertingkatkan program keupayaan pengeksport, memperkenalkan pendekatan inovatif serta kreatif dalam program penggalakan eksport dan meningkatkan jalinan hubungan dengan komuniti perniagaan antarabangsa. Dengan ramalan pemulihan ekonomi global dan program penggalakan yang dirancang oleh MATRADE bagi 2010, saya yakin eksport Malaysia akan mencapai sasaran pertumbuhan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Secara peribadi, saya ingin menyampaikan ucapan takziah di atas pemergian Allahyarham Datuk Hj. Ahmad Ali Lope Abdul Aziz pada 7 Februari 2009 yang telah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah di MATRADE selama empat tahun.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Ahli Lembaga Pengarah dan warga kerja MATRADE di atas sikap profesional dan dedikasi mereka dalam melaksanakan segala program serta aktiviti sepanjang tahun yang mencabar ini dan sepanjang perkhidmatan saya di MATRADE. Setelah dilantik sebagai Pengerusi MATRADE selama tujuh tahun dan Ahli Lembaga Pengarah selama 14 tahun, saya dengan

berat hati meninggalkan MATRADE setelah melalui waktu-waktu yang sangat bernilai bekerjasama dengan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain serta kakitangan MATRADE yang berwibawa, baik di dalam negeri mahupun di luar negara.

Saya percaya warga kerja yang berdedikasi dan berpotensi merupakan aset berharga MATRADE dan saya berkeyakinan bahawa dengan sokongan padu dari warga kerja dan *stakeholders*, MATRADE akan terus mengecapi kejayaan yang lebih menyerlah di dalam aktiviti promosi perdagangan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MATRADE dan warganya di atas sokongan, dorongan yang telah diberikan selama ini, terutamanya kenangan-kenangan manis bersama di dalam usaha untuk meletakkan MATRADE sebagai organisasi promosi perdagangan Malaysia yang terulung.



Tan Sri Halim Mohammad
Pengerusi



Maklumat Korporat

- _Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia Akta1992
- _Visi, Misi dan Fungsi-fungsi
- _Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit
- _Pengurusan Kanan
- _Struktur Organisasi
- _Cawangan Tempatan dan Rangkaian Antarabangsa

Akta Parlimen

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE) telah diperbadankan di bawah Akta 490 UNDANG-UNDANG MALAYSIA.

Akta 490

**PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERDAGANGAN LUAR
MALAYSIA AKTA 1992**

Suatu Akta yang membenarkan penubuhan badan korporat yang dinamakan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, dan perkara yang berkaitan dengannya.

Visi

Menempatkan Malaysia sebagai Negara Perdagangan Global yang Kompetitif.

Misi

Mempromosikan Enterpris Malaysia ke Pasaran Dunia.

Fungsi-fungsi

- Menggalak, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan penekanan tertentu ke atas eksport keluaran terkilang dan separa terkilang dan terlibat dalam aktiviti import secara selektif;
- Membentuk dan melaksanakan suatu strategi pemasaran eksport negara bagi menggalakkan pengeksportan keluaran terkilang dan separa terkilang;
- Menjalankan risikan komersil dan kajian pasaran dan mewujudkan suatu pangkalan data maklumat yang komprehensif bagi mempertingkatkan dan membangunkan perdagangan;
- Mengelolakan program-program latihan bagi mempertingkatkan kemahiran pemasaran antarabangsa pengeksport-pengeksport Malaysia;
- Menambah dan melindungi kepentingan-kepentingan perdagangan antarabangsa Malaysia di luar negeri;
- Mewakili Malaysia dalam mana-mana forum antarabangsa berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubung dengan perdagangan;
- Membangunkan, menggalakkan, memudahkan dan membantu dalam bidang-bidang perkhidmatan yang berhubung dengan perdagangan; dan
- Menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang menyentuh atau dengan apa-apa jua cara berkaitan dengan perdagangan dan untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan atau bagi mana-mana orang, badan atau organisasi mengenai perkara-perkara sedemikian.

Lembaga Pengarah

1. **YBhg. Tan Sri Halim Mohammad**
Pengerusi 16 September 1997—15 April 2010
2. **YBhg. Tan Sri Abdul Rahman Mamat**
03 September 2006—06 Disember 2010
3. **YBhg. Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir**
01 Ogos 1999—31 Julai 2010
4. **YBhg. Datuk Shahril Shamsuddin**
01 Ogos 1999—31 Julai 2010
5. **YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin**
01 Jun 2003—31 Mei 2011
6. **YBhg. Dato' Wong Siew Hai**
01 Ogos 2005—31 Julai 2010
7. **YBhg. Datuk Hj. Ahmad Ali Lope Abdul Aziz**
01 Ogos 2005—31 Julai 2010
(Meninggal dunia pada 7 Februari 2009)
8. **YBhg. Datin Paduka Nurmala Abd. Rahim**
02 Mac 2007—01 Mac 2010
9. **YBhg. Tan Sri Mustafa Mansur**
01 Mei 2008—30 April 2011
10. **En. Koshy Thomas**
01 Ogos 2008—31 Julai 2010
11. **En. Mohd Fauzi Rahmat**
01 Ogos 2008—31 Julai 2010
12. **YBhg. Dato' Noharuddin Nordin**
26 Disember 2006—Kini

Jawatankuasa Audit

- **YBhg. Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir**
- **YBhg. Dato' Wong Siew Hai**
- **YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin**
- **YBhg. Datuk Hj. Ahmad Ali Lope Abdul Aziz**
(Meninggal dunia pada 7 Februari 2009)
- **En. Koshy Thomas**



1

2

3



4

5

6

8



9

10

11

12



1

2

3

4

5

6

7



8

9

10

11

12

13

14


15

Pengurusan Kanan

1. **YBhg. Dato' Noharuddin Nordin**
Ketua Eksekutif
2. **En. Mohamad Kamarudin Hassan**
Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan)
3. **Dr. Wong Lai Sum**
Timbalan Ketua Eksekutif (Penggalakan Perdagangan)
4. **En. Jamaludin Hussain**
Pegarah Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan
5. **En. Zakaria Kamaruddin**
Pegarah Kanan, Bahagian Pembangunan Pengeksport
6. **Pn. Susila Devi**
Pegarah Kanan, Bahagian Pembangunan Produk dan Perkhidmatan
7. **En. Md. Silmi Abd Rahman**
Pegarah, Seksyen Kemahiran Pengeksport dan Sokongan Pasaran,
Bahagian Pembangunan Pengeksport
8. **YM. Raja Nor Zihan Raja Mohsin**
Pegarah, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
9. **Pn. Wan Norma Wan Daud**
Pegarah, Seksyen Produk, Bahagian Pembangunan Produk dan Perkhidmatan
10. **En. Prakas Nair**
Pegarah, Seksyen Amerika, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan
Galakan Perdagangan
11. **En. Abu Bakar Koyakutty**
Pegarah, Seksyen Eropah, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan
Galakan Perdagangan
12. **En. Zulkepli Mohd Perai**
Pegarah, Seksyen Asia Barat / Afrika, Bahagian Rangkaian Antarabangsa
dan Galakan Perdagangan
13. **Pn. Aureen Jean Nonis**
Pegarah, Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Produk
dan Perkhidmatan
14. **En. Mohd. Mustafa Abdul Aziz**
Pegarah, Seksyen Asia Timur Laut / ASEAN, Bahagian Rangkaian
Antarabangsa dan Galakan Perdagangan
15. **En. Mohd. Aminuddin Sham Tajudin**
Pegarah, Bahagian Perancangan Strategik

Struktur Organisasi

MATRADE mengekalkan struktur organisasinya dengan memberi penekanan kepada perkhidmatan yang terbaik berlandaskan dua fungsi utamanya, iaitu penggalakan eksport Malaysia dan pembangunan produk dan perkhidmatan. Pada 2009, MATRADE meningkatkan jumlah kakitangannya dari 563 orang kepada 627 orang untuk memberi perkhidmatan yang berkesan kepada *stakeholders*. MATRADE membuka pejabat luar negara yang ke-40 di Mumbai, India sementara pejabatnya di negara Jerman telah berpindah dari Cologne ke Frankfurt.



Rangkaian di Malaysia

Pejabat Cawangan (Semenanjung Malaysia)

Pulau Pinang

Pejabat MATRADE Wilayah Utara
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)

Tingkat 1, Bangunan FMM
2767, Mukim 1, Lebuh Tenggiri 2
Bandar Seberang Jaya
13700 Seberang Perai Tengah
Pulau Pinang

T +604 398 2020

F +604 398 2288

E penang@matrade.gov.my

Pengarah En. Mazlan Harun

Penolong Pengarah Pn. Noor
Asiah Mahmud



En. Mazlan Harun

Terengganu

Pejabat MATRADE Wilayah Timur
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)

Tingkat 5, Menara Yayasan Islam
Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu

T +609 624 4778

F +609 624 0778

E terengganu@matrade.gov.my

Pengarah Pn. Hasziah Mat Yazid

Penolong Pengarah En. Hafidz
Shukri Junit



Pn. Hasziah Mat Yazid

Johor

Pejabat MATRADE Wilayah Selatan
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)

Suite 6B, Tingkat 6, Menara Ansar
65 Jln Trus, 80000 Johor Bahru
Johor

T +607 222 9400

F +607 222 9500

E johor@matrade.gov.my

Pengarah En. Har Man Ahmad

Penolong Pengarah En. Mohamad
Imran Hamzah



En. Har Man Ahmad

Pejabat Cawangan (Malaysia Timur)

Sarawak

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)

Tingkat 10, Menara Grand
Lot 42 Section 46
Ban Hock Road, 93100 Kuching
Sarawak

T +6082 246 780

F +6082 256 780

E sarawak@matrade.gov.my

Pengarah En. Omar Mohd Salleh

Penolong Pengarah Pn. Trra Banau
Gilbert Taylor



En. Omar Mohd Salleh

Sabah

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)

Lot C5.2A, Tingkat 5, Blok C
Bangunan KWSP, Jalan
Karamuning
88100 Kota Kinabalu, Sabah

T +6088 240 881

+6088 242 881

F +6088 243 881

E sabah@matrade.gov.my

Pengarah En. Syed Zahiruddin
Syed Ali

Penolong Pengarah En. Azmir
Ab Ghaffar



En. Syed Zahiruddin
Syed Ali

Rangkaian Antarabangsa MATRADE Pejabat Perdagangan dan Pemasaran

Afrika

Kaherah

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
17th Floor, North Tower
Nile City Building
Cornish El-Nil Street
Cairo, **Egypt**

T +2 02 2 461 9063

+2 02 2 461 9064

F +2 02 2 461 9065

E cairo@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan:

En. Wan Ahmad Tarmizi Wan Idris



▲ En. Wan Ahmad Tarmizi
Wan Idris

Johannesburg

Pusat Perdagangan Malaysia
Ground Floor, Building 5
Commerce Square Office Park
39 Rivonia Road, Sandhurst
Sandton, Johannesburg,

Republik Afrika Selatan

T +27 11 268 2380

+27 11 268 2381

F +27 11 268 2382

E johannesburg@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Mansor Shah Wahid

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Norman Dzulkarnain Mohd Nasri



▲ En. Mansor Shah Wahid

Nairobi

Suruhanjaya Perdagangan Malaysian
3rd Floor, Victoria Towers
Kilimanjaro Avenue - Upper Hill
P.O. Box 48916
00100 GPO Nairobi

Kenya

T +254 20 273 0070

+254 20 273 0071

F +254 20 273 0069

E nairobi@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Mohd Azuri Zukainain



▲ En. Mohd Azuri
Zukainain

Asia Tengah

Tashkent

Pejabat Perdagangan (MATRADE)
Kedutaan Malaysia
28, Maryam Yakubova Street
Yakkasaray District, 100 031
Tashkent

Republik Uzbekistan

T +998 71 256 67 07

F +998 71 256 69 09

E tashkent@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Abdulaziz Yunusov



▲ En. Abdulaziz Yunusov

Australia

Sydney

Konsulat Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Level 4, Malaysia Airlines Building
16 Spring Street, NSW 2000,

Australia

T +61 2 9252 2270

F +61 2 9252 2285

E sydney@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Ong Yew Chee



▲ En. Ong Yew Chee

Asia Selatan

Chennai

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Capitale 2A, 2nd Floor, 554 & 555
Anna Salai Teynampet
Chennai 600 018, **India**

T +91 44 2431 3722

+91 44 2431 3723

+91 44 2431 3724

F +91 44 2431 3725

E chennai@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya Perdagangan

En. Md. Zainuddin A. Jalil

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Khaifil Elmi Jamil



▲ En. Md. Zainuddin A. Jalil

Mumbai

MATRADE Mumbai
c/o Konsulat Jeneral Malaysia
(Seksyen Pelaburan)
81 & 87, 8th Floor
3rd North Avenue, Maker Maxity
Bandra Kurla Complex, Bandra (E)
Mumbai 400051, **India**

T +91 22 2659 1155

+91 22 2659 1156

F +91 22 2659 1154

E mumbai@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya Perdagangan

En. Noraslan Hadi Abdul Kadir



▲ En. Noraslan Hadi Abdul Kadir

Asia Timur

Beijing

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Unit E, 11th Floor, Tower B
Gateway Plaza, No. 18, Xiaguangli
North Road Dongsanhuan, Chaoyang
District, Beijing 100027

Republik Rakyat China

T +86 10 8451 5109

+86 10 8451 5113

F +86 10 8451 5112

E beijing@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Too Kia Hong

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Chong Yun Jang



▲ En. Too Kia Hong

Guangzhou

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Unit 5305, Citic Plaza Office Tower
233, Tianhe Bei Road
Guangzhou, 510610 Guangdong

Republik Rakyat China

T +86 20 3877 3975 (DL)

+86 20 3877 3865 (GL)

F +86 20 3877 3985

E guangzhou@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Sim Kok Aun

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Mohd Salleh Azwa Samshudin



▲ En. Sim Kok Aun

Rangkaian Antarabangsa MATRADE Pejabat Perdagangan dan Pemasaran

Asia Timur

Shanghai

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Unit 807-809, Level 8
Shanghai Kerry Centre
No. 1515, Nan Jing Road (West)
Shanghai, 200040

Republik Rakyat China

T +86 21 6289 4467

+86 21 6289 4420

F +86 21 6289 4381

E shanghai@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Kua Kiat Chye

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Aireen Syariza Tahir



▲ En. Kua Kiat Chye

Chengdu

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Pejabat Perwakilan Chengdu
Level 14, Unit 1402 – 1404
The Office Tower, Shangri-La Centre
9 Binjiang Road (East)
Chengdu 610021, Sichuan Province

Republik Rakyat China

T +86 28 6687 7517

F +86 28 6687 7524

E chengdu@matrade.gov.my

Pengarah

En. Iszam Khail Ishak



▲ En. Iszam Khail Ishak

Hong Kong SAR

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
G/F & 19/F, Malaysia Building
50, Gloucester Road, Wanchai
Hong Kong Special
Administrative Region

Republik Rakyat China

T +852 2527 8109

F +852 2804 2866

E hongkong@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya Perdagangan

En. Choong Wan Sern

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

Cik Hazlinda Anwar



▲ En. Choong Wan Sern

Tokyo

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Ginza Showadori Building, 6F
8-14-14, Ginza, Chuo-ku
Tokyo 104-0061

Jepun

T +81 3 3544 0712

+81 3 3544 0713

F +81 3 3544 0714

E tokyo@matrade.gov.my

Pengarah

Pn. Yuslinawati Mohd Yusof



▲ Pn. Yuslinawati
Mohd Yusof

Osaka

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Mainichi Intecio 18F
3-4-5, Umeda, Kita-ku,
Osaka 530-0001, **Jepun**

T +81 6 6451 6520

F +81 6 6451 6521

E osaka@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Hiroshi Hashizume



▲ En. Hiroshi
Hashizume

Taipei

Pejabat Persahabatan dan
Perdagangan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
10F-D, Hung Kuo Building
No. 167 Dun Hua North Road
Taipei 105, **Taiwan**

T +886 2 2545 2260

F +886 2 2718 1877

E taipei@matrade.gov.my

Pengarah

En. Muhd Shahrulmiza Zakaria



▲ En. Muhd
Shahrulmiza Zakaria

Asia Timur

Seoul

Kedutaan Malaysia (Seksyen Perdagangan dan Pelaburan)
17 th. Floor, SC First Bank Building
100, Gongpyeong-dong Jongno-gu
Seoul 110-702

Republik Korea

T +82 2 739 6812 (DL)
+82 2 739 6813/6814 (GL)
F +82 2 739 6815

E seoul@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Muna Abu Bakar



▲ Pn. Muna Abu Bakar

Asia Tenggara

Singapura

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
#33-01/03 Shaw Towers
100, Beach Road
189702

Singapura

T +65 6392 2238
F +65 6392 2239
E singapore@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Puspawati Omar

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Nor Marieta Nor Maidin



▲ Pn. Puspawati Omar

Bangkok

Kedutaan Malaysia
Pejabat Komersial dan Pelaburan
No 3601, Level 36,
Q House Lumpini Building,
South Sathorn Road,
Tungmahamek, Sathorn,
10120 Bangkok

Thailand

T +66 2- 677 7392
F +66 2 677 7390

E bangkok@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya Perdagangan

En. Jai Shankar Suppayah



▲ En. Jai Shankar Suppayah

Jakarta

Kedutaan Malaysia
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
12th Floor, Plaza Mutiara
Jl. Lingkar Kuningan
Kav. E.1.2, No. 1 & 2
Kawasan Mega Kuningan
Jakarta 12950, **Indonesia**

T +62 21 576 4322 (DL)
+62 21-576 4297

F +62 21-576 4321

E jakarta@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Yusram Yusup



▲ En. Yusram Yusup

Manila

Kedutaan Malaysia
Pejabat Perdagangan (MATRADE)
Level 4/F, HanjinPhil Building
1128, University Parkway
North Bonifacio, Global City
1634 Taguig, **Filipina**

T +63 2 556 8645
+63 2 556 8646
+63 2 556 8647

F +63 2 403 6387

E manila@matrade.gov.my

Konsular / Pesuruhjaya Perdagangan

En. Arieff Aaron Abdullah



▲ En. Arieff Aaron Abdullah

Rangkaian Antarabangsa MATRADE Pejabat Perdagangan dan Pemasaran

Asia Tenggara

Ho Chi Minh

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
1208, 12th Floor, Me Linh Point Tower
No. 2, Ngo Duc Ke Street, District 1
Ho Chi Minh City, **Vietnam**

T +84 8 3829 9023

+84 8 3829 3132

+84 8 3829 8256

F +84 8 3823 1882

E hcmc@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Azahar Mohamed



En. Azahar Mohamed

Hanoi

Kedutaan Malaysia
Pejabat Perdagangan (MATRADE)
45-46 Dien Bien Phu Street
Ba Dinh District
Hanoi, **Vietnam**

T +844 3734 7521

F +844 3734 7520

E hanoi@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Pham Van Hoi



En. Pham Van Hoi

Phnom Penh

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)

No. 10, Street 242

Vithei Okhna Peich

Sangkat Chaktomuk

Khan Daun Penh

Phnom Penh, **Kemboja**

T +855 23 724 003

F +855 23 724 060

E phnompenh@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Pol Samon



En. Pol Samon

Asia Barat

Dubai

Pusat Perdagangan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Ground & Mezzanine Floors
Al Safeena Building (Near Lamcy Plaza)
Zaabeel Road, P.O. Box 4598
Dubai, **Emiriyah Arab Bersatu**

T +971 4-335 5528

+971 4 335 5538

F +971 4 335 2220

E dubai@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan Kanan

En. Dzulkifli Mahmud

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Adli Haikal Abdul Hanib



En. Dzulkifli Mahmud

Jeddah

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
14th Floor, Saudi Business Centre
Madina Road
P.O Box 20802
Jeddah 21465, **Arab Saudi**

T +966 2 653 2143

+966 2 653 2198

F +966 2 653 0274

E jeddah@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Amran Yem



En. Amran Yem

Eropah

Paris

Service Commercial De Malaisie
(MATRADE)
De L'Ambassade De Malaisie
90, Avenue des Champs Elysees
75008 Paris, **Perancis**

T +33 1 4076 0000

+33 1 4076 0034

F +33 1 4076 0001

E paris@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Cik Nurdiana Abdullah

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

En. Rosli Mat Hassim



▲ Cik Nurdiana Abdullah

Frankfurt

Konsulat Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Level 17, Kastor-Hochhaus
Platz der Einheit 1
60327 Frankfurt am Main

German

T +49 69 2475015 10

F +49 69 2475015 20

E frankfurt@matrade.gov.my

Konsul /Pesuruhjaya

Perdagangan Kanan

En. Mohamad Sabri Ab Rahman

Penolong Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Noor Hayati Abu Noh



▲ En. Mohamad Sabri
Ab Rahman

The Hague

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Rustenburgweg 2
2517 KE The Hague

Belanda

T +31 10 4627 759

F +31 10 4627 349

E rotterdam@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Rusiah Mohamed



▲ Pn. Rusiah Mohamed

Kiev

Kedutaan Malaysia
Pejabat Perdagangan (MATRADE)
No. 25 Buslivska Street
Perchersk, Kiev 01901

Ukraine

T +380 44 286 7128

F +380 44 286 8942

E kiev@matrade.gov.my

Pegawai Pemasaran

En. Vitaly Vladimirovich Boiko



▲ En. Vitaly Vladimirovich
Boiko

London

Suruhanjaya Perdagangan Malaysia
(MATRADE)
3rd and 4th Floor
17 Curzon Street
London W1J 5HR

United Kingdom

T +44 20 7499 5255

+44 20 7499 4644

F +44 20 7499 4597

E london@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Raja Badrulnizam Raja
Kamalzaman



▲ En. Raja Badrulnizam
Raja Kamalzaman

Moscow

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Mosfilmovskaya Ulitsa 50
Moscow 117192

Persekutuan Rusia

T +7 499 147 1514

+7 499 147 1523

F +7 499 143 6043

E moscow@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Khairul Nizam Moonier



▲ En. Khairul Nizam
Moonier

Rangkaian Antarabangsa MATRADE Pejabat Perdagangan dan Pemasaran

Eropah

Budapest

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
Ground Floor, Museum Atrium
Dozsa Gyorgy ut 84/b
1068 Budapest

Hungary

T +36 1 461 0290

F +36 1 461 0291

E budapest@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Wan Azhamuddin Jusoh



▲ En. Wan Azhamuddin Jusoh

Milan

Konsulat Malaysia
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)

Piazza Missori 3,
4th Floor, 20123

Milan, **Itali**

T +39 02 669 81839

F +39 02 670 2872

E milan@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya

Perdagangan

Pn. Siti Azlina Mohd Ali Hanafiah



▲ Pn. Siti Azlina Mohd Ali Hanafiah

Amerika Utara

Los Angeles

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
550 South Hope Street, Suite 400
Los Angeles CA 90071

Amerika Syarikat

T +1 213 892 9034

F +1 213 955 9142

E losangeles@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya

Perdagangan

En. Fauzi Ayob

Penolong Pesuruhjaya

Perdagangan

En. Megat Iskandar Ahmad Dassilah



▲ En. Fauzi Ayob

Miami

Pusat Perdagangan Malaysia
703 Waterford Way
Suite 150

Miami, Florida 33126

Amerika Syarikat

T +1 305 267 8779

F +1 305 267 8784

E miami@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Islahuddin Abu Hassan



▲ En. Islahuddin Abu Hassan

New York

Konsulat Jeneral Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
3rd Floor, 313 East, 43rd Street
New York, NY 10017

Amerika Syarikat

T +1 212 682 0232

F +1 212 983 1987

E newyork@matrade.gov.my

Konsul / Pesuruhjaya

Perdagangan Kanan

En. Wan Latiff Wan Musa



▲ En. Wan Latiff Wan Musa

Toronto

Konsulat Malaysia
(Pejabat Perdagangan)
First Canadian Place
100 King Street West
Suite 5130, P.O. Box 389
Toronto, M5X 1E2, **Kanada**

T +1 416 504 6111

F +1 416 504 8315

E toronto@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

Pn. Zalela Jaafar



▲ Pn. Zalela Jaafar

Amerika Selatan

Mexico City

MATRADE Mexico City
(Pejabat Perdagangan)
Kedutaan Malaysia, Mexico City
Paseo de Las Palmas # 425
Torre Optima 3, Office 1101 & 1102
Col. Lomas de Chapultepec
Del. Miguel Hidalgo, C.P.11000

Mexico D.F.

T +5255 5201 4540
F +5255 5202 7338
E mexicocity@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Md Shaiful Md Shariff



▲ En. Md Shaiful Md Shariff

Santiago

Oficina Commercial De Malasia
(MATRADE)
Embajada De Malasia
Avda. Tajamar 183
Oficina 302 - Las Condes
Santiago, **Chile**

T +56 2 234 2647
F +56 2 234 2652
E santiago@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Niqman Rafeae Mohd Sahar



▲ En. Niqman Rafeae Mohd Sahar

Sao Paulo

Kedutaan Malaysia
Seksyen Komersial (MATRADE)
771, Alameda Santos
Suite 72, 7th Floor
01419-001, Sao Paulo

Brazil

T +55 11 3285 2966
F +55 11 3289 1595
E saopaulo@matrade.gov.my

Pesuruhjaya Perdagangan

En. Khairul Annuar Abdul Halim



▲ En. Khairul Annuar Abdul Halim



Tumpuan Korporat

- _Tumpuan Aktiviti Penggalakan Perdagangan
- _Memperluaskan Pemiagaan Halal
- _Mengoptimakan Peluang Pemiagaan Serantau
- _Penjenamaan Sektor Perkhidmatan Malaysia
- _Strategi Pemasaran
- _Peningkatan Sumber Manusia
- _Pengiktirafan Kecemerlangan
- _Perkongsian Pengetahuan
- _Merancang Hala Tuju

Tumpuan Aktiviti Penggalakan Perdagangan

Usaha mengekal kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara dagangan global diteruskan pada 2009 melalui program penggalakan perdagangan yang strategik. Walaupun terdapat kelembapan dalam persekitaran perdagangan global, MATRADE terus membantu pengeksport Malaysia menerokai pasaran antarabangsa melalui penganjuran 206 aktiviti penggalakan perdagangan yang merangkumi pelbagai produk dan perkhidmatan, di pasaran baru serta pasaran sedia ada.



1 HH Sheikha Lubna Al Qasimi, Menteri Perdagangan Luar, Emiriyah Arab Bersatu, mengunjungi gerai pameran di MSE 2009 diiringi oleh YB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia yang terdahulu **2/3/4** Acara-acara utama MATRADE pada 2009- *Malaysia Services Exhibition (MSE)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)* dan *International Trade (INTRADE) Malaysia*

Program-program penggalakan yang dilaksanakan oleh MATRADE meliputi penyertaan dalam 28 Pameran Perdagangan Antarabangsa, penganjuran tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan, dua Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri, 27 Misi Pemasaran, 27 Misi Belian, 46 Kaunter Promosi, 37 seminar, bengkel dan taklimat, serta 32 kaunter penerangan di pameran-pameran tempatan. Sejumlah 468 pertemuan perniagaan yang melibatkan pemimpin industri dan para peniaga asing telah diatur sempena Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Asia Barat dan Republik Rakyat China.

Pameran-pameran Perdagangan Antarabangsa yang dianjurkan oleh MATRADE di dalam negara telah memperluaskan peluang kepada syarikat Malaysia bagi meningkatkan perniagaan eksport mereka. Sempena penganjuran pameran tempatan ini, MATRADE turut menganjurkan Misi Belian di mana pertemuan perniagaan telah diatitkan di antara pembeli antarabangsa dan pengeksport Malaysia.

MIHAS, pameran terbesar dunia bagi produk dan perkhidmatan halal telah diadakan bagi

kali keenam dari 6 hingga 10 Mei 2009, memberi peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia menceburi pasaran halal yang giat berkembang. Sejak pameran ini dianjurkan, ia telah menerima lebih daripada 130,000 pelawat tempatan dan luar negara.

Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia (INTRADE Malaysia), yang diadakan bagi kali ketiga dari 10 hingga 12 November 2009 merupakan platform yang berkesan kepada syarikat tempatan khususnya EKS bagi mempromosikan pelbagai produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran antarabangsa.

MATRADE turut menganjurkan pameran khusus di luar negara bagi mempromosikan sektor perkhidmatan Malaysia. *Malaysia Services Exhibition (MSE)* telah diadakan bagi kali kedua dari 17 hingga 19 Mac 2009 di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu. Pameran ini memperlihatkan kemahiran dan kebolehan pembekal perkhidmatan Malaysia dari 13 sektor perkhidmatan. Sejumlah 200 syarikat, persatuan dan agensi Kerajaan Malaysia telah menyertai pameran ini.

Memperluaskan Perniagaan Halal

MIHAS 2009 yang bertemakan “*Halal Worlds Combine*” telah dianjurkan oleh MATRADE dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Acara ini telah diadakan di Menara MATRADE, Kuala Lumpur dari 6 hingga 10 Mei 2009. MIHAS 2009 telah berkembang dengan menawarkan ruang pameran kepada 529 pempamer yang memenuhi 628 gerai pameran. Penyertaan negara asing telah meningkat dari 19 kepada 31 negara.

Lima negara utama yang menyertai pameran ini adalah Republik Rakyat China, Iran, Palestin, Sudan dan Indonesia. MIHAS 2009 juga menarik penyertaan kali pertama pempamer dari Jepun, Tunisia, Persekutuan Rusia, Burkina Faso, Perancis, Korea Selatan dan Taiwan. Pameran ini telah menerima seramai 34,051 pelawat dari 65 negara.

Sempena MIHAS, MATRADE telah menganjurkan satu sesi pepadanan perdagangan selama dua hari yang melibatkan 596 wakil dari 429 syarikat asing. Sesi ini yang dikendalikan melalui Program Misi Belian telah menjana jualan langsung sebanyak RM226.4 juta dan jualan dalam rundingan sejumlah RM3.01 bilion. Program ini telah disertai oleh ahli perniagaan dari 40 negara termasuk negara anggota Persidangan Negara Islam (OIC), United Kingdom, Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Afrika Selatan, Australia, Singapura, Kanada dan Jepun.

▶
1/2 MIHAS 2009 menerima sambutan yang menggalakkan dari pelawat perdagangan dan pembeli asing **3** H.E. Hui Liangyu mengiringi YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, dan delegasi Malaysia ke *Malaysia-China Business Forum Luncheon*



Mengoptimumkan Peluang Perniagaan Serantau

INTRADE Malaysia 2009 telah diadakan dari 10 hingga 12 November 2009 di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE (MECC). Ini adalah kali ketiga berturut-turut pameran ini dianjurkan oleh MATRADE bertemakan “*Optimising Global Opportunities*”. Pameran ini disertai oleh 342 syarikat dari 25 negara dan melibatkan produk dan perkhidmatan dari 12 kelompok industri.



1 Pelawat perdagangan dan para pembeli berdaftar di INTRADE Malaysia 2009

Meskipun dunia mengalami kelembapan ekonomi, INTRADE 2009 masih mendapat sambutan apabila ia menerima 6,956 pelawat perdagangan dari 58 negara termasuk Jepun, Singapura, India, Afrika Selatan, Emiriah Arab Bersatu, Nigeria, Argentina, Indonesia, Iran dan Sri Lanka.

Misi Belian yang dianjurkan oleh MATRADE bersempena INTRADE Malaysia 2009 telah menarik penyertaan seramai 609 pembeli antarabangsa dari 61 negara termasuk Jepun, Vietnam, India, Afrika Selatan, Uzbekistan, Thailand, Korea, Hong Kong SAR, Republik Rakyat China, Arab Saudi dan Australia. Lebih dari 8,015 pertemuan perniagaan telah diatitkan dengan penglibatan 867 syarikat Malaysia. Jualan langsung bernilai RM417 juta telah direkodkan manakala jualan dalam rundingan berjumlah RM4.22 bilion.

Antara sektor utama yang mencatatkan potensi jualan adalah alat ganti dan komponen automotif, produk elektrik dan elektronik (E&E), minuman, makanan diproses, produk minyak sawit, perabot, alat tulis, sarung tangan getah, bahan pembinaan dan perkakasan, produk farmaseutikal, kosmetik serta alat kelengkapan diri.

Sempena INTRADE Malaysia 2009, MATRADE menganjurkan *KL International Trade Forum 2009* (KLITF 2009) pada 12 November 2009 buat kali ketiga. Dengan tema “*Leadership in the Marketplace through Creativity and Innovation*”, KLITF 2009 telah dihadiri seramai 1,176 peserta asing dan tempatan. Forum ini membincangkan strategi pertumbuhan perniagaan dan tindakan pengurangan perbelanjaan serta penggunaan kaedah inovatif untuk bersaing di arena antarabangsa.

DYTM Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Tengku Mahkota Perak, menyampaikan ucapan sempena KLITF. Antara penceramah jemputan adalah Peter Vogt, Pengarah Urusan Nestle Malaysia; Azran Osman Rani, Ketua Eksekutif AirAsia X Sdn Bhd; David Kuk, Pengarah Urusan *DCH Logistics Company Ltd.* dari Hong Kong dan Pacita Juan, Pengasas *Figaro Coffee Company* dari Filipina.

Penjenamaan Sektor Perkhidmatan Malaysia

MATRADE dalam usaha untuk menjenamakan sektor perkhidmatan Malaysia di rantau Asia Barat dan Afrika Utara (MENA), telah menganjurkan *Malaysia Services Exhibition* (MSE) buat kali kedua dari 17 hingga 19 Mac 2009 di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu. Melalui pameran yang melibatkan 13 sektor perkhidmatan, MSE telah berjaya mempertingkatkan visibiliti keupayaan dan kemahiran pembekal perkhidmatan sektor-sektor ini.

Pameran ini telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan HH Sheikha Lubna Al Qasimi, Menteri Perdagangan Luar, Emiriyah Arab Bersatu pada 17 Mac 2009.



1 YB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia yang terdahulu, menyampaikan cenderamata kepada HH Sheikha Lubna Al Qasimi, Menteri Perdagangan Luar, Emiriyah Arab Bersatu, semasa perasmian *Malaysia Services Exhibition 2009*



Development Corporation dalam kerjasama bagi penggalakan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu telah disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan Menteri Perdagangan Luar Emiriyah Arab Bersatu.

Malaysia Services Forum juga telah diadakan sempena MSE 2009 bagi berkongsi kemahiran dan kebolehan dalam perkhidmatan pembinaan, penjagaan kesihatan serta minyak dan gas.

MSE 2009 telah menarik 3,521 pelawat termasuk ahli perniagaan dan pegawai Kerajaan dari Arab Saudi, Qatar, Kuwait, Oman, Iraq, Syria, Jordan, Yemen, Lebanon, Bahrain, Kenya, Afrika Selatan dan Emiriyah Arab Bersatu .

Hasil dari pertemuan perniagaan dan jalinan perniagaan semasa MSE 2009, 51 projek berpotensi bernilai RM8.45 bilion telah dikenalpasti oleh pembekal perkhidmatan Malaysia. Selain itu, pameran ini telah menerima sebanyak 3,891 pertanyaan perdagangan. Projek berpotensi ini merangkumi sektor pembinaan, minyak dan gas, perkhidmatan profesional, pendidikan dan latihan khusus, penjagaan kesihatan, ICT serta penjaan kuasa dan tenaga. Projek-projek ini berlokasi di pelbagai negara termasuk Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Iraq, Oman, Qatar, Mesir, Lebanon, Yemen dan Syria.

MSE 2009 menganjurkan penyertaan 200 pembekal perkhidmatan Malaysia, organisasi dan agensi Kerajaan dari sektor pembinaan, pendidikan dan latihan khusus, penjaan kuasa dan tenaga, kejuruteraan teknologi dan inovasi, perkhidmatan kewangan, francais, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan hospital, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), logistik, pengangkutan dan pembinaan kapal laut, minyak dan gas, perkhidmatan profesional, perkhidmatan reka fesyen serta galeri seni.

Penerbitan MATRADE "*Oil & Gas Services Directory*" telah dilancarkan sempena MSE 2009. Direktori ini diterbitkan dengan kerjasama *Malaysian Oil & Gas Services Council* (MOGSC), *Offshore Structure Fabricators Association of Malaysia* (OSFAM) dan *Association of Malaysian Oil & Gas Engineering Consultants* (MOGEC).

Pertukaran Memorandum Persefahaman di antara MATRADE dan *Dubai Export*

Strategi Pemasaran

Teras strategi MATRADE bagi tahun 2009 adalah untuk memastikan eksport Malaysia terus berkembang walaupun terdapat jangkaan kelembapan ekonomi di pasaran-pasaran utama serta meningkatkan imej serta kedudukan Malaysia dan eksportnya dalam pasaran global.

Bagi memastikan pertumbuhan eksport, aktiviti penggalakan diteruskan di pasaran-pasaran sedia ada dengan memberi penekanan ke atas negara-negara rakan Perjanjian Perdagangan Bebas. Sektor seperti perekaan perabot, fesyen dan rekaan, perkhidmatan minyak dan gas serta penjagaan kesihatan dipromosikan secara intensif untuk menjenama kebolehan Malaysia di pasaran antarabangsa. Program penggalakan pada 2009 mensasarkan pasaran baru dan berkembang seperti Afrika, Asia Barat, Eropah Timur dan Amerika Latin bagi memperkembangkan eksport Malaysia.

Antara pameran Perdagangan Antarabangsa yang menjana hasil yang menggalakkan adalah MSE 2009, (jumlah jualan RM8.45 bilion), *6th China-ASEAN Expo*, Nanning, Republik Rakyat China (RM203.7 juta), *Gulfood*, Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (RM145.4 juta), dan *Big 5*, Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (RM157.86 juta). Penyertaan di Pameran Perdagangan Antarabangsa pada 2009 secara kolektifnya telah menjana jualan langsung sebanyak RM1.98 bilion dan jualan dalam rundingan sebanyak RM7.94 bilion.

Misi Perdagangan dan Pelaburan mencatat jualan langsung bernilai RM27.46 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM433.47 juta sementara Misi Pemasaran Khusus dan Am pula mencatat jualan langsung dengan nilai RM34.68 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM1.25 bilion. Misi Belian yang dianjurkan pada 2009 menghasilkan jualan langsung bernilai RM658.12 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM6.28 bilion.



- 1 Seminar "Malaysia – Opportunities in Islamic Finance" oleh Bank Negara Malaysia semasa *Malaysia Services Exhibition 2009* yang diadakan di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu
- 2 Pempamer Malaysia di *6th China-ASEAN Expo (CAEXPO 2009)* 3 Pelawat perdagangan membuat pertanyaan mengenai keupayaan Malaysia semasa pameran *Big 5* di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu 4 Penyertaan Malaysia di *Gulfood 2009* di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu


Peningkatan Sumber Manusia

Dalam mencapai objektif untuk memberi khidmat pelanggan yang cemerlang, MATRADE telah mengendalikan sejumlah 130 program pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangannya pada 2009. Di samping itu, MATRADE juga telah meningkatkan bilangan kakitangannya dari 563 kepada 627 orang.

Program latihan tertumpu kepada:

- Kepimpinan
- Kemahiran Bahasa
- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan
- Pemasaran
- Bimbingan (*Coaching*)
- Teknologi Maklumat
- Program Penempatan Industri
- Kursus Motivasi
- Kerjasama Sepasukan
- Pembangunan Kakitangan
- Kursus Khusus Berkaitan Kerja

Sebanyak 50 peperiksaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang meliputi pelbagai skim perkhidmatan bagi menilai kebolehan pegawai MATRADE telah dijalankan. “Anugerah Perkhidmatan Cemerlang” telah diberikan kepada 41 kakitangan MATRADE sebagai pengiktirafan ke atas prestasi cemerlang dalam melaksanakan tugas mereka pada 2009.



Pengiktirafan Kecemerlangan

Sumbangan MATRADE kepada industri tempatan telah diiktiraf dan diakui, di mana MATRADE telah menerima anugerah *Special Appreciation Award for Organisation* semasa Malam Anugerah Francais anjuran Persatuan Francais Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 18 November 2009 di Dewan Seri Endon, Puspanitapuri Putrajaya.

Anugerah ini telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, sebagai menghargai sokongan dan dedikasi MATRADE terhadap pembangunan industri francais Malaysia.

1 Dato' Noharuddin Nordin, Ketua Eksekutif MATRADE menerima anugerah *Special Appreciation Award for Organisation* dari YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, semasa Malam Anugerah Francais



Perkongsian Pengetahuan

MATRADE dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah menganjurkan dua program kerjasama teknikal di bawah inisiatif *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* pada 2009. Program pertama iaitu *4th MTCP* untuk negara anggota *Organisation of Islamic Conference (OIC)*, telah dianjurkan bersama *Pakistan Institute of Trade and Development (PITAD)*. Bertemakan "*Malaysia- Endeavouring Global Trade Competitiveness for OIC / D8 Member Countries*", program ini telah diadakan dari 4 hingga 14 Mei 2009 di Menara MATRADE, Kuala Lumpur.

1 Perkongsian pengetahuan berkenaan "*Interfacing with Chambers of Commerce on Global Challenges and Trade Opportunities*" dengan para peserta MTCP 2 Para peserta MTCP terdiri dari para pegawai yang mewakili Dewan Perniagaan dari Cuba, Kepulauan Cook, Fiji, India, Jordan, Laos, Nigeria, Sri Lanka, Afrika Selatan, Tanzania, Vietnam dan Zambia



1

Seramai 33 pegawai dari 17 negara anggota OIC menyertai program selama 10 hari tersebut. Mereka adalah dari Afghanistan, Brunei, Mesir, Indonesia, Iraq, Jordan, Republik Kyrgyz, Lebanon, Maghribi, Oman, Pakistan, Palestin, Sudan, Syria, Emiriyah Arab Bersatu, Uzbekistan, Yemen dan sembilan peserta dari PITAD.

Program yang menggalakkan perkongsian pengetahuan ini telah mengeratkan hubungan baik di antara MATRADE dengan negara anggota OIC dan PITAD. Para peserta berpendapat program ini adalah bermanfaat serta berinformasi. Di samping memperoleh pengetahuan, mereka juga berkongsi pengalaman mengenai aktiviti penggalakan perdagangan, memahami industri-industri di Malaysia dan juga mengadakan jalinan rangkaian dengan para peserta lain.



2

MTCP kedua bertemakan "*Interfacing with Chambers of Commerce on Global Challenges and Trade Opportunities*" telah diadakan di Menara MATRADE, Kuala Lumpur dari 11 hingga 16 Oktober 2009. Sejumlah 12 pegawai yang mewakili Dewan Perniagaan dari negara membangun menyertai program ini. Para perwakilan yang menghadiri adalah dari Cuba, Kepulauan Cook, Fiji, India, Jordan, Laos, Nigeria, Sri Lanka, Afrika Selatan, Tanzania, Vietnam dan Zambia.

Merancang Hala Tuju

Lembaga Pengarah MATRADE terdiri daripada 11 ahli yang dipimpin oleh Tan Sri Halim Mohammad sebagai Pengerusi. Lembaga Pengarah mempunyai perwakilan yang seimbang iaitu dari Kementerian, industri-industri utama serta persatuan dan dewan perniagaan. Lembaga Pengarah bertanggungjawab merancang hala tuju MATRADE secara keseluruhannya dalam memenuhi sasarannya bagi tahun berkenaan.

Dalam menghadapi tahun yang paling mencabar akibat kelembapan ekonomi global, Lembaga Pengarah memberi arah tuju strategik kepada MATRADE dalam melaksanakan program-program serta aktiviti-aktiviti bagi mengekalkan pertumbuhan eksport negara.

Pada 7 Februari 2009, Lembaga Pengarah telah kehilangan seorang ahli yang telah memberi sumbangan yang amat besar kepada MATRADE, iaitu Allahyarham Datuk Hj. Ahmad Ali Lope Abdul Aziz.

Pada 2009, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat pada tarikh-tarikh berikut:

► Mesyuarat 1/2009

31 Mac 2009

.....

► Mesyuarat 2/2009

18 Jun 2009

.....

► Mesyuarat 3/2009

15 September 2009


.....

► Mesyuarat 4/2009

20 November 2009

Semasa mesyuarat-mesyuarat ini, perbincangan tertumpu kepada polisi dan strategi yang menjurus kepada daya saing eksport Malaysia dan keberkesanan program penggalakan perdagangan MATRADE. Antara isu-isu yang dibincangkan semasa mesyuarat-mesyuarat ini adalah termasuk:

- Strategi Penggalakan Perdagangan Tahunan
- Prestasi Perdagangan Malaysia
- Strategi Mengurangkan Kesan Kelembapan Ekonomi Global
- Penggalakan Sektor Automotif
- Penggalakan Sektor Perkhidmatan
- Pengembangan Rangkaian Global MATRADE
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Organisasi
- Strategi Pembangunan Pengeksport




Prestasi Perdagangan


- _Tahun Yang Mencabar
- _Rakan Perdagangan Utama
- _Pasaran Serantau
- _Mara Ke Hadapan

Tahun yang Mencabar

Rakan Perdagangan Utama pada 2009 (% Syer)



Destinasi Eksport Utama pada 2009 (% Syer)



Perdagangan Malaysia pada 2009 menurun sebanyak 16.6 peratus kepada RM988.24 bilion, berbanding RM1.185 trilion pada 2008, akibat kelembapan ekonomi dunia dan kemerosotan dalam perdagangan global. Eksport bagi tahun 2009 terus mengatasi import di mana Malaysia mencatat lebih dagangan buat kali ke-12 berturut-turut dengan nilai dagangan sebanyak RM118.35 bilion pada 2009.

Eksport menurun sebanyak 16.6 peratus kepada RM553.3 bilion, berbanding RM663.49 bilion pada 2008. Import juga menurun sebanyak 16.6 peratus kepada RM434.94 bilion pada 2009, daripada RM521.61 bilion pada 2008. Kemerosotan ini adalah akibat daripada penguncupan dalam permintaan daripada rakan perdagangan utama Malaysia.

Terdapat penurunan eksport dalam sektor eksport utama yang terdiri daripada perkilangan, pertanian dan galian serta minyak galian. Perkilangan, menyumbang 74.4

peratus jumlah eksport yang bernilai RM411.4 bilion iaitu penurunan sebanyak 11.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Begitu juga dengan eksport pertanian yang menurun sebanyak 22.7 peratus serta menyumbang 10 peratus daripada jumlah eksport dengan nilai RM55.4 bilion. Sektor galian serta minyak galian merosot sebanyak 32.5 peratus pada 2009, berjumlah RM81.50 bilion yang menyumbang 14.7 peratus daripada jumlah eksport.

MATRADE secara agresifnya meneruskan penganjuran aktiviti penggalakan eksport walaupun terdapat kelembapan ekonomi dunia. Usaha dalam meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan Malaysia serta program mendekati industri merupakan faktor-faktor yang turut menyumbang kepada lebih dagangan Malaysia pada 2009. Aktiviti penggalakan yang dilaksanakan termasuk penyertaan pengeksport Malaysia dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Kaunter Promosi, Misi Pemasaran Khusus dan Misi Belian.

Rakan Perdagangan Utama

Rakan perdagangan utama Malaysia pada 2009 adalah Republik Rakyat China, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Thailand.

Republik Rakyat China

Pada 2009, Republik Rakyat China mengatasi Singapura sebagai rakan perdagangan utama Malaysia, dengan menyumbang 12.9 peratus daripada jumlah perdagangan negara. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Republik Rakyat China susut sebanyak 1.7 peratus kepada RM127.9 bilion, berbanding RM130.09 bilion pada 2008. Malaysia adalah rakan perdagangan kesembilan terbesar bagi Republik Rakyat China pada 2009. Di kalangan anggota ASEAN, Malaysia merupakan rakan perdagangan terbesar bagi Republik Rakyat China.

Eksport ke Republik Rakyat China meningkat 6.4 peratus kepada RM67.24 bilion, berbanding RM63.21 bilion pada 2008. Bagi tempoh 10 tahun yang lepas, eksport Malaysia ke Republik Rakyat China telah mengekalkan pertumbuhan yang positif, dengan mencatat pertumbuhan purata sebanyak 22.9 peratus setahun. Eksport utama Malaysia ke Republik Rakyat China adalah produk E&E, minyak sawit, kimia dan produk kimia, produk getah dan petroleum mentah.

Eksport Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) meningkat 32.3 peratus kepada RM8.38 bilion, berbanding RM6.33 bilion pada 2008. Antara produk utama yang dieksport di bawah ACFTA pada 2009 adalah getah kompaun, isirung minyak sawit (minyak mentah), *stearic acid*, *paraxylene* dan benang getah.

Singapura

Singapura terus kekal sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia dalam ASEAN dengan nilai berjumlah RM125.31 bilion, menyumbang 12.7 peratus daripada jumlah perdagangan negara. Perdagangan antara Malaysia dan Singapura pada 2009 mencatat penurunan sebanyak 19.2 peratus kepada RM125.31 bilion, berbanding RM155.11 bilion pada tahun sebelumnya. Kemerosotan ini adalah akibat penurunan eksport ke Singapura sebanyak 21 peratus berjumlah RM77.20 bilion atau 54.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport ke ASEAN.

Eksport utama ke Singapura adalah produk E&E, produk petroleum bertapis, jentera, perkakasan dan alat ganti, pembuatan logam serta kimia dan produk kimia.

Amerika Syarikat

Amerika Syarikat yang merupakan rakan perdagangan ketiga terbesar Malaysia pada 2009, menyumbang sebanyak 11.1 peratus daripada perdagangan global Malaysia. Perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat mencatat kemerosotan 21.5 peratus kepada RM109.22 bilion, berbanding RM139.18 bilion pada 2008. Di kalangan

anggota ASEAN, Malaysia merupakan rakan perdagangan kedua terbesar Amerika Syarikat selepas Singapura.

Dengan syer sebanyak 11 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia, Amerika Syarikat merupakan destinasi eksport Malaysia yang ketiga terbesar pada 2009. Eksport ke Amerika Syarikat merosot 26.8 peratus kepada RM60.58 bilion, berbanding RM82.73 bilion pada 2008. Kemerosotan ini disebabkan oleh kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan penyumberan dari negara-negara berkos rendah. Eksport utama Malaysia ke Amerika Syarikat adalah produk E&E, produk getah, kelengkapan optik dan saintifik, minyak sawit, serta produk kayu dan makanan diproses.

Jepun

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Jepun pada 2009 mencatat kemerosotan sebanyak 20.6 peratus kepada RM108.71 bilion, berbanding RM136.93 bilion pada 2008. Bagi tempoh 10 tahun yang lepas, perdagangan Malaysia dengan Jepun mencatat purata pertumbuhan tahunan sebanyak 2.9 peratus. Pertumbuhan ini adalah hasil daripada peningkatan eksport yang telah berkembang pada kadar purata 5 peratus setahun.

Jumlah eksport Malaysia ke Jepun pada 2009 berjumlah RM54.42 bilion, merosot sebanyak 24.2 peratus, berbanding RM71.8 bilion pada 2008. Eksport ke Jepun menyumbang 9.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada 2009. Antara eksport utama adalah gas asli cecair, produk E&E, produk kayu, kelengkapan optik dan saintifik serta kimia dan produk kimia.


Pada 2009, Sijil Tempasal Utama (COO) yang dikeluarkan di bawah *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* (MJEPA) bernilai sebanyak RM6.73 bilion. Eksport utama di bawah perjanjian ini adalah minyak sawit bertapis, dilunturkan dan dinyahbau (RBDDPL), *polyethylene terephthalate film* (PET), *stretch film* dan *polyethylene bags*.

Thailand

Thailand kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia yang kelima terbesar pada 2009 dengan jumlah perdagangan sebanyak RM56.16 bilion. Nilai ini merupakan penurunan sebanyak 7.95 peratus daripada 2008. Eksport Malaysia ke Thailand pada 2009 berjumlah RM29.85 bilion, merosot sebanyak 5.9 peratus berbanding RM31.73 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport ke Thailand menyumbang 5.4 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada 2009.

Eksport utama ke Thailand adalah produk E&E, petroleum mentah, kimia dan produk kimia, jentera dan perkakasan, serta pembuatan logam.

Pasaran Serantau



Usaha penggalakan perdagangan oleh MATRADE untuk menembusi pasaran-pasaran baru dan berkembang di pasaran sedia ada dipergiatkan pada 2009. Walau bagaimanapun, kelembapan ekonomi global yang dialami oleh ekonomi-ekonomi utama dunia telah memberi kesan kepada perdagangan Malaysia. Tiga rantau perdagangan utama Malaysia pada 2009 iaitu Asia Timur Laut, ASEAN dan Amerika Utara turut menunjukkan penurunan eksport. Jumlah perdagangan dengan Asia Timur Laut merosot sebanyak 12.5 peratus kepada RM350.56 bilion pada 2009, berbanding RM400.65 bilion pada 2008. Perdagangan dengan ASEAN susut sebanyak 15.4 peratus kepada RM251.86 bilion, berbanding RM297.64 bilion pada 2008. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Utara merosot sebanyak 21.6 peratus kepada RM114.25 bilion, berbanding RM145.66 bilion pada tahun sebelumnya.

Jumlah eksport ke rantau Asia Timur Laut menyumbang 33.7 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke Asia Timur Laut merosot sebanyak 9.4 peratus kepada RM186.17 bilion. Rantau ini kekal sebagai rakan perdagangan utama negara pada 2009. Eksport utama ke rantau ini adalah produk E&E, gas asli cecair, minyak sawit, kimia dan produk kimia serta produk kayu. Produk-produk ini secara kolektif menyumbang 77.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau tersebut.

ASEAN menyumbang 25.5 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia, merosot sebanyak 15.4 peratus kepada RM251.86 bilion, berbanding RM297.64 bilion pada 2008. ASEAN kekal sebagai rantau perdagangan kedua terbesar negara pada 2009. Di kalangan negara ASEAN, Singapura mengekalkan kedudukannya sebagai rakan perdagangan Malaysia yang terbesar dengan jumlah perdagangan bernilai RM125.31 bilion atau 12.7 peratus secara keseluruhannya. Ini diikuti oleh Thailand dengan 5.7 peratus, Indonesia (4.1 peratus), Vietnam (1.6 peratus) dan Filipina (1.1 peratus). Eksport utama ke ASEAN adalah produk E&E, kimia dan produk kimia, produk petroleum bertapis, petroleum mentah serta jentera, perkakasan dan alat ganti.

Asia Barat kekal sebagai rantau perdagangan penting yang menyumbang RM38.38 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia. Jumlah eksport ke rantau ini bernilai RM23.16 bilion atau 4.2 peratus daripada jumlah eksport negara pada 2009. Emiriah Arab Bersatu kekal sebagai destinasi eksport yang terbesar dengan sumbangan 43.4 peratus daripada eksport Malaysia ke rantau ini. Eksport utama adalah produk E&E, barang kemas, minyak sawit, peralatan pengangkutan dan produk kayu.

Pada 2009, eksport ke Asia Selatan menyusut sebanyak 21.7 peratus kepada RM27.12 bilion berbanding RM34.64 bilion pada 2008. India merupakan destinasi eksport utama di rantau ini dengan eksport bernilai RM17 bilion yang menyumbang kepada 62.7 peratus daripada keseluruhan eksport ke rantau tersebut sementara Pakistan adalah negara kedua terbesar dengan jumlah eksport RM5.75 bilion atau 21.2 peratus. Eksport utama ke rantau ini terdiri daripada minyak sawit, minyak mentah, produk E&E, kimia dan produk kimia serta produk petroleum bertapis.



Mara ke Hadapan

Pada 2010, perdagangan luar Malaysia dijangka pulih serentak dengan pemulihan ekonomi global. Eksport Malaysia dijangka meningkat di antara 6 hingga 7 peratus berikutan peningkatan permintaan pasaran utama hasil daripada langkah-langkah kewangan dan fiskal yang telah diperkenalkan untuk merangsangkan ekonomi negara-negara ini.

Ekonomi-ekonomi utama seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun dijangka akan mengalami tahap pemulihan sederhana. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan ekonomi dunia akan pulih pada 2010 dengan kadar sederhana iaitu sebanyak 3.1 peratus berbanding negatif 1.1 peratus pada 2009. Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) meramalkan perdagangan dunia akan meningkat sebanyak 4.5 peratus pada 2010.

Perdagangan luar Malaysia pada 2010 dijangka berkembang hasil daripada pelaksanaan sepenuhnya *ASEAN Free Trade Area* (AFTA) serta perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang baru. Pemansuhan tarif ke atas hampir kesemua produk akan meningkatkan akses eksport Malaysia ke pasaran rantau ASEAN serta penyumberan import yang berdaya saing bagi memenuhi keperluan sektor perkilangan. Pelaksanaan tiga FTA baru, khususnya, ASEAN-Australia-New Zealand FTA (AANZFTA), ASEAN-India FTA (AIFTA) dan Malaysia-New Zealand FTA (MNZFTA) akan membantu meluaskan pasaran eksport Malaysia.

Tahun 2010 akan menyaksikan Malaysia terus menerokai peluang perdagangan di pasaran yang giat berkembang khususnya Republik Rakyat China, India dan Asia Barat di mana pasaran-pasaran ini telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan lima tahun kebelakangan ini. Pasaran baru seperti Afrika, Asia Tengah serta Eropah Timur juga akan turut diterokai memandangkan peningkatan kuasa beli pengguna di rantau ini.

Di dalam usaha untuk mempelbagaikan sektor produk eksport serta pasaran baru, MATRADE akan mempergiatkan aktiviti-aktiviti penggalakan bagi mengenalpasti peluang-peluang eksport khususnya di pasaran sedia ada serta pasaran baru muncul. Antara sektor-sektor baru yang diberi tumpuan adalah bidang persekitaran, produk dan perkhidmatan teknologi hijau, perkhidmatan berkaitan perkilangan, penyumberan dan rekaan.

For reliable trade partnerships
with rising business potential,
look to Malaysia.



In 2009 alone, over 50,000 companies contacted MATRADE for business opportunities with Malaysia. Perhaps it's the proven track record that inspires such confidence towards the Malaysian business experience.

With a dynamic export base and a pro-business society, the possibilities are endless for lucrative business partnerships with Malaysia.

Want to catch the next rise? Visit www.matrade.gov.my or the MATRADE office nearest to you.

Malaysia External Trade Development Corporation
Menara MATRADE, Jalan Khidmat Usaha, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia
T: +603-6207 7077 F: +603-6203 7037 E: info@matrade.gov.my
W: www.matrade.gov.my Toll-free: 1800-88-7280



signature : *Opportunity*
date : 8/8/2008

signature : *Stability*
date : 28/01/2002

signature : *Profits*
date : 14.9.2005

signature : *Potentials*
date : 26/6/2007

signature : *Partnership*
date : 11/4/2002

signature : *Quality*
date : 2/7/2001

signature : *Success*
date : 05/01/2001

If you are looking for high value business propositions, Malaysia is your choice.

The international business community is convinced of the ability of Malaysian companies to create and capture value for their customers. Their signatures are not only about concluding a business deal, but testify to long-term business relationships. With a proven track record of delivering world-class quality products and services, Malaysian suppliers have established their presence worldwide.

Ready to put your name on Malaysian products or services? Visit www.matrade.gov.my or the nearest MATRADE office.

Malaysia External Trade Development Corporation
Menara MATRADE, Jalan Khidmat Usaha, Off Jalan Duta,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
T: 603-6207 7077 F: 603-6203 7037
E: info@matrade.gov.my W: www.matrade.gov.my



The door to
Malaysian quality.
To open it, just
use scissors.

International businesses and importers with a passion for quality have a passion for Malaysia. And the figures certainly add up. Rated among the top 25 exporting nations by the World Trade Organisation in 2008. Ranked among Asia's top three semiconductor exporters. And in the top ten preferred Asian exporters worldwide for textiles, medical products, IT equipment and much more. It's a testament to the high quality of products and services that can only come from Malaysia.

To tap into this quality, just contact MATRADE (we've attached a handy little card for you) and we'll help you connect with the right Malaysian exporters by directing you to the nearest of our 40 international offices. Or simply go to **www.matrade.gov.my** to find out more.





Make your business mark not just in one country, but all over the map.

At MATRADE, we believe it is a great time to expand your interests globally, for distance and barriers are fast disappearing in this new age of global business. We can help you export your products and services abroad as well as set up operations in other countries.

With a network of 40 offices around the world, we are ideally positioned to offer you a wealth of local insight, knowledge, regulatory advice and business contacts regardless of your target market. We also actively assist Malaysian companies to showcase their products and services via our global trade promotion programmes. If you're interested to expand your business globally, contact MATRADE and we'll help you realise your goals. For more information, please visit us or go to www.matrade.gov.my.

Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)
Menara MATRADE, Jalan Khidmat Usaha, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia
T: 603-6207 7077 F: 603-6203 7037 E: info@matrade.gov.my
W: www.matrade.gov.my Toll-free: 1800-88-7280





Pasaran Sasaran

- _Memperluaskan Pasaran Global Malaysia
- _Produk dan Perkhidmatan
- _Kerjasama dengan Kementerian, Agensi Kerajaan dan Persatuan Perdagangan

Memperluaskan Pasaran Global Malaysia

Pada 2009, pengeksport Malaysia terus menceburi peluang-peluang pasaran global melalui penyertaan aktiviti-aktiviti penggalakan perdagangan yang dianjurkan oleh MATRADE. Pengeksport Malaysia telah menyertai 28 Pameran Perdagangan Antarabangsa, tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan, 27 Misi Pemasaran, 27 Misi Belian, 46 Kaunter Promosi serta 37 Seminar, Bengkel dan Taklimat. MATRADE juga mengaturkan pertemuan perniagaan bersempena lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Bahrain dan Qatar di Asia Barat dan ke Beijing, Republik Rakyat China.



Sejumlah 645 syarikat Malaysia telah menyertai Pameran Perdagangan Antarabangsa yang dianjurkan oleh MATRADE di pasaran sedia ada, pasaran baru muncul dan pasaran baru. Pameran perdagangan ini telah menghasilkan jualan langsung bernilai RM1.98 bilion dan jualan berpotensi berjumlah RM7.94 bilion. Sebanyak 36,082 pertanyaan perdagangan telah diterima oleh syarikat Malaysia di pameran-pameran ini.

MATRADE dan MIDA telah bersama menganjurkan tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan pada 2009 di mana seramai 250 ahli perniagaan dari 151 syarikat telah mengambil bahagian. Sebanyak 1,433

pertemuan perniagaan telah diaturkan sepanjang misi-misi ini yang menghasilkan jualan langsung sebanyak RM27.46 juta dan projek berpotensi bernilai RM433.47 juta. Hasil daripada 468 pertemuan perniagaan yang dianjurkan semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri, jualan berpotensi dengan nilai sebanyak RM362.5 juta berjaya dijanakan.

Misi Pemasaran yang dianjurkan oleh MATRADE terdiri dari lapan Misi Pemasaran Khusus dan 19 Misi Pemasaran Am. Sejumlah 265 syarikat Malaysia menyertai misi-misi ini di mana 2,468 pertemuan perniagaan telah diadakan serta menghasilkan jualan langsung bernilai RM34.68 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM1.25 bilion.

MATRADE telah membantu syarikat Malaysia untuk mempamer dan mengedarkan bahan promosi mereka kepada para pembeli berpotensi melalui Kaunter Promosi di pameran perdagangan antarabangsa. Sejumlah 46 Kaunter Promosi telah diadakan yang melibatkan penyertaan 1,239 syarikat dan menerima sejumlah 2,857 pertanyaan perdagangan.

MIHAS 2009 merupakan pameran halal terbesar dunia dianjurkan oleh MATRADE di Malaysia. Pameran ini menawarkan platform yang terbaik kepada 529 pempamer bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Acara selama lima hari ini telah menarik sejumlah 34,051 pelawat tempatan dan antarabangsa. Dari segi hasil jualan, MIHAS 2009 telah menjana jualan langsung berjumlah RM226.4 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM3.01 bilion.

Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia 2009 (INTRADE Malaysia), merupakan satu lagi pameran yang dianjurkan oleh MATRADE di Malaysia. Pameran ini telah disertai oleh 342 pempamer, di mana 112 adalah pempamer asing. INTRADE Malaysia 2009 yang diposisikan sebagai pameran perdagangan am utama di rantau ASEAN telah menawarkan platform yang kos efektif bagi EKS untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka. Acara selama tiga hari ini telah menarik 7,000 pelawat dan menghasilkan jualan langsung berjumlah RM417 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM4.22 bilion sempena Misi Belian yang dianjurkan oleh MATRADE.



1 Kata-kata aluan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, semasa *Malaysia - China Business Forum Luncheon*



Asia Timur Laut

Asia Timur Laut yang merupakan rantau perdagangan terbesar Malaysia pada 2009 telah menyumbang 35.5 peratus daripada jumlah perdagangan negara. Jumlah eksport ke rantau ini bernilai RM186.17 bilion manakala import dicatatkan sebanyak RM164.38 bilion. Prestasi perdagangan di rantau ini telah menurun di mana eksport telah susut sebanyak 9.4 peratus dan import sebanyak 15.7 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Republik Rakyat China telah mengatasi Jepun sebagai destinasi eksport utama di rantau ini pada 2009 dengan eksport bernilai RM67.21 bilion. Jepun merupakan

destinasi eksport kedua terbesar dengan eksport berjumlah RM54.42 bilion, diikuti oleh Hong Kong SAR, Republik Korea dan Taiwan dengan nilai eksport masing-masing sebanyak RM28.85 bilion, RM21.10 bilion dan RM14.43 bilion.

Aktiviti penggalakan perdagangan yang dianjurkan oleh MATRADE di rantau Asia Timur Laut termasuk satu Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia, 16 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 11 Kaunter Promosi, enam Misi Belian dan dua Misi Pemasaran Khusus.

Jepun

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Foodex Jepun 2009, Chiba
- 8th International Auto Aftermarket Show 2009, Tokyo
- ASEAN – Japan Centre's (AJC) Programme 2009:
 - > ASEAN Gifts and Fashion Accessories Exhibition, Tokyo
 - > ASEAN Health and Wellness Exhibition, Tokyo
 - > Interior Lifestyle Exhibition, Tokyo
 - > ASEAN Food & Beverages Exhibition, Tokyo

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE 2009

Kaunter Promosi

- Kenzai, Osaka

Republik Rakyat China

Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri

- ke Beijing

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- SEMICON China 2009, Shanghai
- 6th China-ASEAN Expo 2009, Nanning

Misi Pemasaran Khusus

- perkhidmatan ICT ke Beijing dan Shanghai
- alat ganti dan komponen automotif ke Shanghai

Kaunter Promosi

- The 105th China Import & Export Fair (The Canton Fair) 2009, Guangdong
- Yiwu Stationery & Arts Trade Fair, Zhejiang
- The 8th China International Consumer Goods Fair 2009, Zhejiang
- The Automotive Electronics South China Fair 2009, Shenzhen
- China International Autoparts Expo, Beijing
- The Ningbo International Auto Parts and Accessories Trading Fair 2009, Zhejiang

Hong Kong SAR

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Hong Kong International Jewellery Show 2009, Hong Kong
- Hong Kong Houseware Fair 2009, Hong Kong
- Hong Kong Gifts & Premium Fair 2009, Hong Kong
- Hofex 2009, Hong Kong

Republik Korea

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- ASEAN – Korea Centre (AKC) Programme 2009:
 - > Seoul Gifts Exhibition, Seoul
 - > ASEAN Food & Beverages Exhibition 2009, Seoul

Kaunter Promosi

- Seoul Food & Hotel (KINTEX), Seoul
- Korea International Medical & Hospital Equipment Show (KIMES), Seoul

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009

Taiwan

Kaunter Promosi

- Taipei International Auto Parts and Accessories Show 2009 (AMPA), Taipei
- Computex 2009, Taipei

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009



1



2



1/2 Pavilion Malaysia di
6th China-ASEAN Expo
(CAEXPO 2009)

The 6th China-ASEAN Expo (CAEXPO 2009)

Sebanyak 100 syarikat Malaysia telah menyertai Pameran 6th China-ASEAN Expo (CAEXPO) yang diadakan dari 20 hingga 24 Oktober 2009 di *Nanning International Convention & Exhibition Centre (NICEC)*, Republik Rakyat China. Pavilion Malaysia yang terdiri daripada 119 gerai pameran telah menerima sejumlah 5,025 pertanyaan perdagangan.

Pempamer Malaysia berpuas hati dengan penyertaan mereka di CAEXPO 2009 di mana mereka telah mengenalpasti pengimport berpotensi serta menjalin perhubungan perniagaan. Sejumlah RM35.4 juta jualan langsung serta jualan dalam rundingan bernilai RM168.3 juta telah berjaya dijanakan.

ASEAN

ASEAN merupakan rantau perdagangan kedua terbesar Malaysia selepas Asia Timur Laut pada 2009. Perdagangan dengan ASEAN, yang berjumlah RM251.9 bilion, menyumbang 25.5 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia. Di kalangan anggota ASEAN, Singapura kekal sebagai rakan perdagangan utama Malaysia dengan 50 peratus syer daripada jumlah keseluruhan perdagangan, diikuti oleh Thailand (22.3 peratus), Indonesia (16 peratus), Vietnam (6.1 peratus) dan Filipina (4.4 peratus).

Pada 2009, eksport ke ASEAN menurun sebanyak 16.9 peratus kepada RM142.3 bilion yang menyumbang 25.7

Singapura

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Singapura

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009

Indonesia

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Indobuildtech 2009, Jakarta

Misi Pemasaran Khusus

- alat ganti dan komponen automotif

Kaunter Promosi

- Hospital Expo 2009, Jakarta

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009

Filipina

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009

Thailand

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- ASEAN Fashion Plus Fair 2009, Bangkok

Misi Pemasaran Khusus

- alat ganti dan komponen automotif

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009

peratus daripada jumlah eksport Malaysia. ASEAN merupakan destinasi eksport kedua terbesar bagi Malaysia. Antara tiga pasaran utama di kalangan anggota ASEAN adalah Singapura, dengan jumlah syer eksport sebanyak 54.2 peratus, diikuti oleh Thailand (21 peratus) dan Indonesia (12.1 peratus).

MATRADE menganjurkan empat Pameran Perdagangan Antarabangsa, satu Misi Perdagangan dan Pelaburan, empat Misi Pemasaran Khusus, 10 Misi Belian dan satu Kaunter Promosi bagi menggalakkan perdagangan di rantau ini. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

Vietnam

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Vietnam Expo 2009, Hanoi
- V.I Trade Expo 2009, Ho Chi Minh

Misi Pemasaran Khusus

- alat ganti dan komponen automotif
- produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009



1 Paviliun Malaysia di 19th Vietnam International Trade Fair menerima sambutan yang menggalakkan dari para pelawat

19th Vietnam International Trade Fair 2009

MATRADE menganjurkan penyertaan 14 syarikat Malaysia dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di pameran 19th Vietnam International Trade Fair dari 8 hingga 11 April 2009 di Vietnam Exhibition & Fair Centre, Hanoi, Vietnam.

Sejumlah 1,521 pertanyaan perdagangan telah diterima oleh syarikat Malaysia semasa pameran ini dijalankan dengan mencatat jualan langsung RM0.97 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM8.15 juta.

Amerika Utara

Eksport ke rantau Amerika Utara pada 2009 bernilai RM63.34 bilion. Amerika Syarikat kekal sebagai destinasi eksport terbesar, yang menyumbang 95.7 peratus daripada jumlah eksport ke rantau ini. Malaysia mencatat lebihan dagangan berjumlah RM11.95 bilion dengan Amerika Syarikat pada tahun tersebut.

Pada 2009, MATRADE menganjurkan 18 Kaunter Promosi, dua Misi Pemasaran Khusus serta satu misi Perdagangan dan Pelaburan bagi menggalakkan eksport ke rantau ini. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

Amerika Syarikat

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Los Angeles dan San Francisco

Misi Pemasaran Khusus

- makanan diproses ke New York

Kaunter Promosi

- International Consumer Electronics Show, Las Vegas
- 34th Winter Fancy Food Show, San Francisco
- Hardware Expo & Construction Products, San Juan
- The International Boston Seafood Show, Boston
- International Home & Houseware Show, Chicago
- Society of Automotive Engineers (SAE) International Show, Michigan
- National Hardware Show, Las Vegas
- National Plastics Exhibition (NPE), Chicago
- Trade & Investment Convention (TIC), Macoya
- Furniture Accessories Show, Orlando
- Las Vegas World Market, Las Vegas
- Havana International Fair, Havana
- Automotive Aftermarket Products Expo, Las Vegas
- IFE Americas Food & Beverage Show, Miami

Kanada

Misi Pemasaran Khusus

- makanan diproses ke Toronto

Kaunter Promosi

- SIAL Montreal, Montreal
- IIDEX Toronto, Toronto
- Ethnic & Specialty Food Expo, Toronto
- Construct Canada, Toronto



1 Pertemuan perniagaan dengan pemborong dan pengimport utama makanan diproses dari New York dan Toronto

Misi Pemasaran Khusus Makanan Diproses Ke New York Dan Toronto

Misi ini yang dianjurkan oleh MATRADE merupakan antara usaha yang berterusan bagi mempromosikan Malaysia sebagai pengeksport makanan dan minuman yang berkualiti tinggi. Misi ini juga bertujuan mengambil kesempatan untuk menembusi pasaran makanan Asia yang giat berkembang di bandar-bandar kosmopolitan Amerika Utara seperti New York dan Toronto. Antara produk-produk yang dipromosikan semasa misi ini termasuk makanan etnik Asia, makanan laut sejuk beku, minyak sayuran berasaskan minyak sawit, sos, mee dan jus buah-buahan.

Taklimat dan pertemuan perniagaan telah diadakan di premis pemborong dan pengimport utama makanan diproses. Pejabat MATRADE di New York dan Toronto mengaturkan sejumlah 197 pertemuan perniagaan. Syarikat Malaysia melaporkan jualan dalam rundingan sebanyak RM43 juta.

Para peserta dalam misi ini memperolehi pengetahuan yang mendalam mengenai keperluan pasaran, termasuk citarasa dan *trend* pengguna serta keperluan peraturan dan pembungkusan bagi makanan diproses di Amerika Syarikat dan Kanada.

Kesatuan Eropah (EU)

Eksport ke Kesatuan Eropah menyumbang 10.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia dan kekal sebagai pasaran rantau keempat terbesar pada 2009. Antara pasaran utama di Kesatuan Eropah adalah Belanda, Jerman, United Kingdom, Perancis dan Itali.

MATRADE menganjurkan penyertaan syarikat Malaysia dalam lima Pameran Perdagangan Antarabangsa, tiga Misi Perdagangan dan Pelaburan, dan tiga Misi Pemasaran Khusus.

Jerman

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Paperworld 2009, Frankfurt
- CeBIT 2009, Hannover
- Anuga 2009, Cologne

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Frankfurt, Milan dan London

Misi Pemasaran Khusus

- produk dan perkhidmatan automotif ke Stuttgart, Frankfurt dan Rennes

Perancis

Misi Pemasaran Khusus

- produk dan perkhidmatan automotif ke Stuttgart, Frankfurt dan Rennes

Itali

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- I-Saloni 2009, Milan

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Frankfurt, Milan dan London

Belanda

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- World of Private Labels, Amsterdam

United Kingdom

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Frankfurt, Milan dan London

Misi Pemasaran Khusus


- produk makanan ke London dan Birmingham



1



2

 1/2 Syarikat pengilang makanan dan minuman Malaysia di Anuga 2009, Cologne, Jerman

Anuga 2009

Anuga adalah pameran makanan dan minuman yang terbesar di dunia yang diadakan dua kali setahun di Cologne, Jerman. Pameran ini memberi platform yang baik kepada syarikat Malaysia untuk memperkenalkan dan mempromosikan pelbagai makanan dan minuman ke pasaran antarabangsa serta mengembangkan eksport ke pasaran Eropah.

MATRADE menganjurkan penyertaan 22 syarikat Malaysia di Anuga 2009 yang diadakan dari 10 hingga 14 Oktober 2009. Antara produk-produk yang dipamerkan oleh syarikat Malaysia adalah pastri, produk sejuk beku, konfektionari, sos dan *dressings* serta minuman. Anuga 2009 mencatat jualan langsung bernilai RM8.7 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM18.2 juta.

Asia Selatan

Eksport Malaysia ke Asia Selatan pada 2009 bernilai RM27.12 bilion. Pasaran eksport terbesar adalah India (62.7 peratus) diikuti oleh Pakistan (21.2 peratus) dan Bangladesh (10.4 peratus).

Aktiviti penggalakan yang dianjurkan di rantau ini termasuk penyertaan dalam satu Pameran Perdagangan Antarabangsa, penganjuran satu Misi Perdagangan dan Pelaburan, dua Misi Pemasaran Khusus, satu Misi Pemasaran Am dan tiga Misi Belian. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

India

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Chennai dan Mumbai

Misi Pemasaran Khusus

- produk dan perkhidmatan automotif

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009
- sempena Asia Construct Conference 2009

Pakistan

Misi Pemasaran Am

- ke Karachi dan Islamabad

Bangladesh

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Malaysia Products and Services Exhibition (MPSE) 2009, Dhaka

Misi Pemasaran Khusus

- produk dan perkhidmatan automotif

Misi Pemasaran Khusus Produk dan Perkhidmatan Automotif ke Dhaka

Misi Pemasaran Khusus berkenaan produk dan perkhidmatan automotif ke Dhaka telah dianjurkan dari 7 hingga 9 Ogos 2009 di bawah program pakej rangsangan Kerajaan. Acara ini diadakan serentak dengan *Malaysia Products and Services Exhibition (MPSE) 2009* di Dhaka.

Objektif misi adalah untuk meneroka peluang perniagaan di pasaran sasaran dengan memberi tumpuan kepada sektor produk dan perkhidmatan automotif. Seramai 10 wakil sektor swasta menghadiri 45 pertemuan perniagaan yang diadakan semasa acara dua hari ini telah menghasilkan jualan langsung bernilai RM107,547 dan jualan dalam rundingan berjumlah RM1.5 juta.

Sejumlah 16 syarikat menyertai MPSE 2009. Pempamer menerima 650 pertanyaan perdagangan dan melaporkan jualan dalam rundingan sebanyak RM722.48 juta.

1 Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bertemu dengan para pemimpin industri India di Chennai 2 Pertemuan perniagaan semuka di Dhaka semasa Misi Pemasaran Khusus bagi produk dan perkhidmatan automotif



1



2

Asia Barat

Pada 2009, jumlah eksport Malaysia ke Asia Barat bernilai RM23.16 bilion. Pasaran eksport utama di rantau ini adalah Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Iran, yang secara keseluruhan menyumbang 66 peratus daripada jumlah eksport negara ke Asia Barat.

Sejumlah tujuh aktiviti penggalakan eksport telah dianjurkan oleh MATRADE di Asia Barat. Sektor yang diberi tumpuan dalam aktiviti penggalakan ini adalah kesihatan dan produk farmaseutikal, alat ganti dan komponen automotif, makanan diproses dan bahan pembinaan.

Emiriyah Arab Bersatu

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Arab Health 2009, Dubai
- Gulfood 2009, Dubai
- Big 5 2009, Dubai

Iran

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Tehran International Industry Fair, Tehran

Bahrain

Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri

- ke Manama, Doha

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Jewellery Arabia 2009, Bahrain

Qatar

Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri

- ke Manama, Doha

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Doha, Riyadh

Arab Saudi

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Doha, Riyadh

MATRADE menganjurkan penyertaan syarikat Malaysia dalam lima Pameran Perdagangan Antarabangsa, satu Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri dan satu Misi Perdagangan dan Pelaburan. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

Gulfood 2009

Pameran *Gulfood 2009*, yang diadakan di *Dubai International Convention & Exhibition Centre*, terus menawarkan platform yang terbaik kepada syarikat Malaysia bagi mengeksport makanan diproses untuk menembusi pasaran Asia Barat. Pada 2009, MATRADE menyelaraskan penyertaan 43 syarikat Malaysia dalam pameran ini. Antara produk yang dipromosikan adalah snek, makanan sejuk beku, produk pertanian, bijirin, konfektionari, produk berasaskan minyak sawit, jus buah-buahan, kopi dan teh.

Penyertaan Malaysia di pameran ini merupakan kali kelima berturut-turut. Pempamer Malaysia berjaya menghasilkan jualan langsung bernilai RM58.87 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM86.53 juta.

Pada 2009, eksport makanan diproses ke anggota *Gulf Cooperation Council (GCC)* bernilai RM580.2 juta di mana import oleh Emiriyah Arab Bersatu menyumbang sebanyak 36.9 peratus daripada jumlah keseluruhan import GCC.



- 1 Pelawat perdagangan di gerai pameran Malaysia semasa Gulfood 2009, di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu
2 Dato' Yahaya Abdul Jabar, Duta Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu di Gulfood 2009 ditemubual media tempatan Emiriyah Arab Bersatu

Oceania

Jumlah perdagangan dengan Oceania bernilai RM34.18 bilion pada 2009 berbanding RM43.51 bilion pada 2008. Pada 2009, eksport ke Oceania merosot sebanyak 21.5 peratus, manakala import menurun 22.1 peratus. Australia kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia terbesar di rantau ini, menyumbang 86.3 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia. Rakan perdagangan lain dalam rantau ini adalah New Zealand (10.4 peratus syer) dan Papua New Guinea (2.5 peratus).

Eksport ke Oceania pada 2009 berjumlah RM22.62 bilion, menyumbang 3.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport negara. Tiga pasaran eksport utama adalah Australia, dengan 88.4 peratus syer daripada jumlah eksport, diikuti oleh New Zealand (8.4 peratus) dan Papua New Guinea (2 peratus).

Bagi rantau ini, MATRADE menganjurkan aktiviti-aktiviti penggalakan seperti berikut:

Australia

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Australian Automotive Aftermarket Expo 2009, Sydney
- DesignBuild Australasia 2009, Sydney
- Fine Food Australia 2009, Sydney

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Melbourne

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009
- produk perabot

Fine Food Australia 2009

Pameran *Fine Food Australia* yang berlangsung dari 7 hingga 10 September 2009 di *Sydney Convention and Exhibition Centre*, telah disertai oleh 11 syarikat Malaysia dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC). Sempena pameran ini, MATRADE Sydney telah mengaturkan 179 pertemuan perniagaan di antara pempamer Malaysia dengan pembeli antarabangsa.

Hasil daripada penyertaan ini, syarikat Malaysia telah menerima 1,222 pertanyaan perdagangan dan berjaya menjana jualan langsung sebanyak RM4.96 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM13.75 juta.



1 Wakil syarikat Malaysia dalam perbincangan dengan pelanggan berpotensi di *Fine Food 2009*, Sydney, Australia 2 Gerai pameran MATRADE di *Fine Food 2009*, Sydney, Australia

Afrika

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Afrika pada 2009 bernilai RM18.03 bilion. Afrika Selatan adalah rakan perdagangan Malaysia yang terbesar di rantau ini. Eksport ke rantau ini berjumlah RM12.21 bilion dan destinasi eksport terbesar adalah Mesir, diikuti oleh Afrika Selatan dan Benin. Eksport ke tiga pasaran ini bernilai RM5.88 bilion, iaitu 48.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport ke rantau tersebut.

MATRADE menganjurkan sejumlah sembilan aktiviti penggalakan perdagangan ke rantau ini yang meliputi:

Afrika Selatan

Misi Pemasaran Khusus

- produk automotif ke Port Elizabeth dan Johannesburg
- produk plastik ke Johannesburg dan Cape Town

Mesir

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Cairo ICT International Exhibition, Cairo

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Cairo

Misi Belian

- sempena Automechanika
- sempena APHM International Healthcare Conference & Exhibition 2009

Kaunter Promosi

- Algiers International Fair, Algiers
- Interbuild Egypt, Cairo

Zambia

Misi Pemasaran Khusus

- pembinaan dan pendidikan ke Lusaka dan Ndola



1 Memorandum Persefahaman yang di tandatangani antara Saito College dan Mulungushi University bagi mendirikan syarikat kerjasama yang akan mengendalikan kursus grafik, multimedia dan pengurusan keselamatan

Misi Pemasaran Khusus Sektor Pembinaan dan Pendidikan ke Zambia

MATRADE dengan kerjasama CIDB telah menganjurkan Misi Pemasaran Khusus sektor pembinaan dan pendidikan ke Zambia dari 2 hingga 8 Disember 2009. Program ini disertai oleh sembilan syarikat Malaysia dalam sektor pembinaan dan pendidikan.

Sejumlah 34 pertemuan perniagaan telah diatitkan antara ahli-ahli delegasi dengan rakan niaga yang berpotensi dari Zambia. Aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan semasa misi ini termasuk penganjuran seminar, mesyuarat meja bulat dan lawatan ke tapak pembinaan.

Hasil daripada program ini, projek pembinaan berpotensi dengan nilai RM530 juta dan usahasama pendidikan berjumlah RM4.88 juta telah dilaporkan oleh syarikat Malaysia.

Amerika Latin

Eksport Malaysia ke Amerika Latin pada 2009 bernilai RM9.11 bilion. Pasaran eksport utama di Amerika Latin adalah Mexico, Brazil, Argentina dan Chile, yang menyumbang 79.3 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini.

Aktiviti penggalakan yang dianjurkan oleh MATRADE pada 2009 bagi rantau ini:

Brazil

Misi Pemasaran Khusus

- produk perubatan pakai buang ke Santiago dan Sao Paulo

Kaunter Promosi

- Feicon Batimat, Sao Paulo
- Hospitalar 2009, Sao Paulo

Chile

Misi Pemasaran Khusus

- produk perubatan pakai buang ke Santiago dan Sao Paulo

Argentina

Kaunter Promosi

- Expomueble, Buenos Aires

Mexico

Kaunter Promosi

- Intermoda, Guadalajara
- Expo Electrica, Mexico City
- Automechanika, Mexico City
- Expo Cihac, Mexico City

Panama

Kaunter Promosi

- Expocomer, Panama City



1 Ahli delegasi Misi Pemasaran Khusus berkenaan produk perubatan pakai buang ke Chile dan Brazil

Misi Pemasaran Khusus Produk Perubatan Pakai Buang ke Chile dan Brazil

Misi Pemasaran Khusus berkenaan produk perubatan pakai buang telah dianjurkan oleh MATRADE ke Santiago dan Sao Paulo dari 25 Mac hingga 3 April 2009.

Produk-produk ini termasuk sarung tangan getah pemeriksaan dan pembedahan, catheters, picagari, dan kondom latex.

Tumpuan misi adalah untuk mengenalpasti pasaran baru di Amerika Latin bagi mengeksport produk-produk ini. Antara aktiviti - aktiviti yang dianjurkan semasa misi ini termasuk taklimat, 56 pertemuan perniagaan serta lawatan ke kilang pengimport utama produk-produk ini iaitu Alquilabor Comercial Ltda di Brazil dan Drogueria Hofmann S.A.C di Chile.

Para peserta diberi taklimat mengenai peraturan dan pengawalan berkaitan eksport produk-produk perubatan serta maklumat terkini mengenai peluang-peluang pasaran bagi produk tersebut ke pasaran Brazil dan Chile. Misi ini telah mencatatkan jualan berpotensi dengan nilai RM12.3 juta. Lanjutan dari program ini, syarikat Malaysia turut menerima lawatan dari pembeli berpotensi ke Malaysia di mana mereka telah melawat kilang serta mengadakan rundingan susulan.

Eropah Timur

Pada 2009, eksport Malaysia ke rantau Eropah Timur bernilai RM6.7 juta, manakala import berjumlah RM2.52 juta.

Persekutuan Rusia dan Ukraine menyumbang 52.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini, diikuti oleh Poland, Hungary dan Republik Czech yang bersama menyumbang 30.8 peratus.

Bagi menggalakkan produk dan perkhidmatan Malaysia ke rantau ini, MATRADE menganjurkan satu Misi Pemasaran Khusus, 13 Misi Belian dan penyertaan dalam tiga Kaunter Promosi.



Persekutuan Rusia

Misi Pemasaran Khusus

- alat ganti dan komponen automotif dan makanan diproses

Kaunter Promosi

- Interplastika 2009, Moscow
- Automechanika 2009, Moscow

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009



Hungary

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009



Romania

Kaunter Promosi

- Construct Expo Antreprenor 2009, Bucharest

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009



Belarus

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2009



Bosnia Herzegovina

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2009



Kosovo

Misi Belian

- sempena MIHAS 2009
- sempena INTRADE Malaysia 2009



Macedonia

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2009



Poland

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2009



Ukraine

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2009



1



2


1 Perbincangan dengan para pembeli berpotensi dari Persekutuan Rusia
2 Pertemuan meja bulat membuka peluang perniagaan Malaysia–Persekutuan Rusia

Misi Pemasaran Khusus ke Persekutuan Rusia


MATRADE menganjurkan Misi Pemasaran Khusus ke Moscow dan St. Petersburg, Persekutuan Rusia dari 10 hingga 17 Oktober 2009. Misi ini bertujuan mengenalpasti para pembeli berpotensi serta mempromosi dan menerokai peluang perniagaan di pasaran ini.

Sejumlah 10 syarikat yang mewakili sektor alat ganti dan komponen automotif, perabot, makanan diproses dan sektor perkhidmatan kewangan Islam telah menyertai misi ini. Sempena program ini, aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk sesi pertemuan perniagaan, lawatan kilang dan sesi jalinan rangkaian, yang berjaya menghasilkan jualan dalam rundingan bernilai RM49.28 juta.


Penunjuk Kecekapan



Bilangan Penerbitan



Kecekapan Masa



Tumpuan kepada Produk dan Perkhidmatan

Produk dan perkhidmatan Malaysia diterima dengan baik di pasaran dunia kerana kualitinya di samping berkemampuan untuk memenuhi permintaan. MATRADE telah menyumbang kepada aktiviti penggalakan produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran global dan pada 2009, MATRADE giat mengendalikan aktiviti promosi bagi produk makanan diproses, khususnya segmen halal, bahan pembinaan, perabot serta alat ganti dan komponen automotif. Bagi sektor perkhidmatan, tumpuan diberikan kepada pembinaan, penjagaan kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta minyak dan gas.

Makanan Diproses

Eksport makanan diproses oleh Malaysia pada 2009 merosot sebanyak 11.5 peratus kepada RM10.74 bilion berbanding RM12.13 bilion pada 2008. Makanan diproses adalah penyumbang kelapan terbesar kepada pendapatan eksport negara, yang merupakan 2.6 peratus daripada jumlah eksport sektor pengilangan Malaysia.

Eksport utama makanan diproses pada 2009 adalah:

- Koko dan persediaan koko yang bernilai RM3.09 bilion iaitu penurunan sebanyak 5.6 peratus daripada RM3.28 bilion pada 2008;
- Bijirin tersedia dan sediaan tepung yang bernilai RM1.32 bilion meningkat sebanyak 2.4 peratus daripada RM1.28 bilion pada 2008;
- Produk tenusu yang bernilai RM587.3 juta iaitu penurunan sebanyak 45.8 peratus daripada RM1.08 bilion pada 2008;
- Gula dan konfektionari gula yang bernilai RM549.6 juta meningkat sebanyak 13.6 peratus daripada RM483.9 juta pada 2008; dan
- Makanan laut diproses yang bernilai RM545.7 juta iaitu penurunan sebanyak 0.1 peratus daripada RM546.4 juta pada 2008.

Aktiviti penggalakan pada 2009 oleh MATRADE bagi makanan diproses adalah:

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- *Gulfood 2009*, Dubai
- *Foodex 2009*, Chiba
- *Vietnam Expo 2009*, Hanoi
- *Hofex 2009*, Hong Kong
- *World Private Label International Trade Show 2009*, Amsterdam
- *Malaysia Products and Services Exhibition (MPSE)*, 2009, Dhaka
- *Fine Food 2009*, Sydney
- *The 6th China-ASEAN Expo (CAEXPO 2009)*, Nanning
- *Anuga 2009*, Cologne
- *V.I. Trade Expo 2009*, Ho Chi Minh

Makanan diproses telah dikenalpasti sebagai sektor pertumbuhan eksport utama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan perubahan gaya hidup serta *trend* pengguna yang berubah, permintaan untuk makanan mudah disediakan seperti makanan sejuk beku, gantian makanan masakan rumah, makanan sedia-masak, makanan sedia-makan dan minuman segera semakin meningkat di pasaran antarabangsa. Dalam memenuhi keperluan ini, pengilang makanan Malaysia telah menceburi segmen makanan mudah disediakan serta memperkenalkan makanan baru yang mudah disediakan dengan resipi Asia.

Satu lagi segmen makanan diproses pada 2009 yang meningkat adalah eksport makanan halal. Pasaran makanan halal dunia yang dianggarkan bernilai RM1.87 trilion menawarkan peluang kepada pembekal Malaysia untuk menceburi pasaran yang semakin berkembang di negara-negara OIC serta negara bukan Islam.



1/2 Produk makanan dan minuman Malaysia



2

Bahan Pembinaan Bangunan

Pada 2009, jumlah eksport bahan binaan susut sebanyak 8.3 peratus kepada RM17.59 bilion berbanding RM19.18 bilion pada 2008. Pasaran eksport terbesar bagi bahan pembinaan bangunan pada 2009 adalah Jepun yang bernilai RM2.76 bilion. Ini diikuti oleh Australia (RM2.19 bilion), Singapura (RM1.75 bilion), Republik Korea (RM1.1 bilion) dan Thailand (RM855.7 juta).

Produk utama yang dieksport dalam kategori ini adalah:

- Venir, papan lapis, papan partikel dan kayu, bernilai RM6.61 bilion yang menyumbang 38 peratus syer daripada jumlah keseluruhan eksport;
- Tiub, paip dan kelengkapannya daripada besi dan keluli, bernilai RM3.85 bilion yang menyumbang 22 peratus syer daripada jumlah keseluruhan eksport; dan
- Kayu, dibentuk dan kayu landasan keretapi, bernilai RM3.12 bilion dengan syer 18 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport.

Pada 2009, MATRADE telah menganjurkan 13 aktiviti penggalakan perdagangan yang membolehkan syarikat Malaysia mempamerkan produk-produk mereka. Ia meliputi empat Pameran Perdagangan Antarabangsa, dua Misi Pemasaran Khusus dan tujuh Kaunter Promosi.

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- *DesignBuild Australasia*, Sydney
- *Indobuildtech 2009*, Jakarta
- *Tehran International Industry Fair*, Tehran
- *Big 5 2009*, Dubai

Misi Pemasaran Khusus

- *Proposed implementation of housing projects using the industrialised building system (IBS) ke Algeria*
- Karachi, Islamabad dan Lahore, Pakistan

Kaunter Promosi

- *International Building & Construction Exhibition*, Amsterdam
- *Construct Expo Antreprenor*, Bucharest
- *Hardware Expo & Construction Products*, San Juan
- *Feicon Batimat*, Sao Paulo
- *Interbuild Egypt 2009*, Cairo
- *Expo Cihac*, Mexico City
- *Construct Canada 2009*, Toronto

Penyertaan syarikat Malaysia dalam aktiviti penggalakan ini telah berjaya menjana jualan langsung bernilai RM41.93 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM267.23 juta.

Perabot

Eksport perabot susut sebanyak 12.6 peratus kepada RM7.6 bilion pada 2009 berbanding RM8.7 bilion tahun sebelumnya. Ia mewakili 2.6 peratus daripada jumlah eksport barangan pengilangan.

Sumbangan dan nilai eksport produk perabot adalah:

- Perabot kayu dengan syer 82 peratus, bernilai RM6.2 bilion;
- Perabot logam dengan syer 7.9 peratus, bernilai RM603.7 juta;
- Tempat duduk dan alat ganti dengan syer 6.3 peratus bernilai RM476.7 juta
- Alat ganti perabot dengan syer 3.3 peratus bernilai RM250.5 juta
- Perabot plastik dengan syer 0.3 peratus bernilai RM24.1 juta dan;
- Perabot pelbagai bahan dengan syer 0.3 peratus bernilai RM22.4 juta.

Lima pasaran utama Malaysia bagi eksport perabot pada 2009 adalah Amerika Syarikat, Jepun, Australia, United Kingdom dan Singapura, yang menyumbang kepada 60.3 peratus daripada jumlah eksport perabot.

Pada 2009, bagi mempromosikan eksport perabot, MATRADE telah menyelaraskan aktiviti penggalakan melalui Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Pemasaran Khusus dan Kaunter Promosi, seperti berikut:

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- *Hong Kong Houseware Fair 2009*, Hong Kong
- *I-Saloni 2009*, Milan

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Frankfurt, Milan dan London
- ke Melbourne
- ke Mumbai, Bangalore dan Chennai
- ke Singapura

Misi Pemasaran Khusus

- ke Moscow dan St. Petersburg

Kaunter Promosi

- *Expocomer*, Panama City
- *International Home & Houseware Show*, Illinois
- *The 105th China Import & Export Fair*, Guangdong
- *11th Universal Exhibition Fair*, Bishkek
- *42nd International Fair of Algiers*, Algiers
- *The 8th China International Consumer Goods Fair 2009*, Zhejiang
- *Furniture Accessories Show*, Florida
- *Expomueble*, Buenos Aires
- *Las Vegas World Market*, Nevada
- *IIDEX Toronto 2009*, Toronto



1



2



3

▲ 1/2/3 Rekaan perabot Malaysia

Alat Ganti dan Komponen Automotif



1 Tempat duduk kereta diperbuat kulit berkualiti tinggi yang direka bagi eksport dan penggunaan domestik 2 Pengilangan alat ganti automotif menggunakan barisan pemasangan automatik dengan menggabungkan penimpalan

Eksport alat ganti dan komponen automotif Malaysia susut 2.6 peratus berjumlah RM1.98 bilion pada 2009 berbanding RM2.04 bilion pada 2008.

Antara eksport utama adalah:

- alat ganti dari pelbagai pembekal, roda mahkota, pinan, *spoke and parts*, meningkat sebanyak 5.4 peratus kepada RM783.1 juta;
- roda stereng, turus roda kemudi dan kotak stereng, susut sebanyak 5.6 peratus kepada RM478.2 juta;
- bampar dan peralatan, meningkat sebanyak 12.1 peratus kepada RM220.4 juta; dan
- gandar pemandu menurun sebanyak 23.6 peratus kepada RM125.3 juta.

ASEAN merupakan pasaran eksport utama Malaysia bagi alat ganti dan komponen automotif pada 2009 bernilai RM962.6 juta yang menyumbang kepada 48.5 peratus daripada jumlah eksport automotif. Di rantau ASEAN, Indonesia, Thailand dan Singapura masing-masing mengimport alat ganti dan komponen automotif bernilai RM372.5 juta, RM279.9 juta dan RM223.5 juta.

Pada 2009, Pameran Perdagangan Antarabangsa yang disertai oleh MATRADE adalah *International Auto After Market*, Jepun dan *Australian Automotive Aftermarket Expo*, Australia. Aktiviti penggalakan lain termasuk Misi Pemasaran Khusus ke Indonesia, Thailand, Vietnam, Republik Rakyat China, India, Bangladesh, Iran, Afrika Selatan serta Jerman. Kaunter Promosi juga telah dilaksanakan sempena Pameran Perdagangan Antarabangsa di Republik Rakyat China, Persekutuan Rusia, Amerika Syarikat, Mexico dan Taiwan.

Perkhidmatan

Kerajaan telah memberikan fokus bagi meningkatkan sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi negara. Pelbagai langkah telah diambil bagi mencapai matlamat ini termasuk mempergiatkan aktiviti penggalakan eksport sektor perkhidmatan. MATRADE melalui perbincangan dengan pembekal perkhidmatan profesional telah merangka strategi dan program-program bagi sektor ini. Majlis Eksport Perkhidmatan Profesional Kebangsaan (NAPSEC) juga telah memberi input kepada MATRADE dalam merangka program-program penggalakan untuk sektor perkhidmatan.

Pada 2009, MATRADE menganjurkan 22 program penggalakan yang disertai oleh pembekal perkhidmatan, Kementerian, agensi dan badan-badan Kerajaan. Dalam melaksanakan program-program ini, MATRADE telah bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC), Majlis Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSC), Persatuan Pembinaan Pesisir Luar Malaysia (OSFAM), Persatuan Perunding Kejuruteraan Minyak dan Gas Malaysia (MOGEC), Kementerian Kesihatan, Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Program penggalakan ini akan terus mengutamakan pasaran maju dan membangun seperti ASEAN, Asia Barat, Afrika, Eropah dan Amerika Utara.

Malaysia Services Exhibition (MSE) adalah satu inisiatif utama yang dianjurkan oleh MATRADE bagi penggalakan sektor perkhidmatan negara. MSE merupakan pameran solo yang telah dianjurkan buat kali pertama pada 2008 di Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu dan MSE 2009 di Dubai adalah usaha berterusan MATRADE bagi mempromosi dan menjenamakan eksport perkhidmatan Malaysia ke rantau Asia Barat dan Afrika Utara (MENA).

MSE 2009 telah disertai oleh 200 syarikat perkhidmatan Malaysia, organisasi dan agensi Kerajaan yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan. Pameran ini dirasmikan bersama oleh YB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan

HH Sheikh Lubna Al Qasimi, Menteri Perdagangan Luar, Emiriyah Arab Bersatu pada 17 Mac 2009.

Sempena pembukaan rasmi MSE 2009, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia telah melancarkan penerbitan MATRADE, "*Oil & Gas Services Directory*" yang menyenaraikan syarikat-syarikat di dalam industri minyak dan gas Malaysia. Direktori ini diterbitkan bersama dengan MOGSC, OSFAM dan MOGEC.

Pameran ini telah menarik seramai 3,521 pelawat termasuk ahli perniagaan dan pegawai Kerajaan dari Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Qatar, Kuwait, Oman, Iraq, Syria, Jordan, Yemen, Lubnan, Bahrain, Kenya dan Afrika Selatan. MSE 2009 telah merekodkan sejumlah 3,891 pertanyaan perdagangan dan rundingan projek-projek yang berpotensi dengan nilai RM8.45 bilion. Projek-projek ini bukan sahaja bertempat di Emiriyah Arab Bersatu tetapi juga di Arab Saudi, Iraq, Oman, Qatar, Mesir, Lubnan, Yemen dan Syria.

Pembinaan dan Perkhidmatan Berkaitan

Program penggalakan eksport perkhidmatan bagi tahun 2009 yang terbanyak dikendalikan oleh MATRADE adalah berkaitan sektor pembinaan dan perkhidmatan profesional. Program penggalakan ini meliputi lima Misi Pemasaran Khusus iaitu ke Zambia, Emiriyah Arab Bersatu, Vietnam, Maldives serta Algeria dan satu Misi Belian ke Malaysia. Hasil daripada aktiviti-aktiviti penggalakan ini, syarikat Malaysia telah mengenalpasti potensi perniagaan bernilai RM787.93 juta.



1



2

1 National Library Building, Singapura 2 Solaris, Singapura

Penjagaan Kesihatan

MATRADE telah menganjurkan empat program penggalakan bagi pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terdiri daripada dua Misi Pemasaran Khusus dan dua Misi Belian. Misi Pemasaran Khusus penjagaan kesihatan telah diadakan di Kemboja, Vietnam dan Bangladesh. Misi Belian pula telah dianjurkan sempena *APHM International Healthcare Conference and Exhibition* dan *APHM International Healthcare Travel*

Conference. Aktiviti penggalakan eksport perkhidmatan ini menghasilkan jualan dalam rundingan bernilai RM11.48 juta.

Menurut APHM, seramai 382,758 pesakit asing mendapat rawatan di hospital swasta di Malaysia pada 2009 dan ini telah menjana pendapatan bernilai RM264.71 juta.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Menurut AT Kearney, Malaysia merupakan lokasi *offshoring* dunia yang ketiga menarik pada 2009. Shared services atau penyumberan luar dan *offshoring* aktiviti perniagaan termasuk perkhidmatan operasi pejabat dalaman seperti:

- Operasi pusat hubungan dan perkhidmatan
- Pusat data, pemulihan bencana dan kesinambungan perniagaan
- Perkhidmatan teknikal *helpdesk* dan perkhidmatan selepas jualan
- Perkhidmatan pemprosesan urusanniaga
- Perkhidmatan pengurusan aplikasi
- Penyelesaian pengurusan kewangan
- Perkhidmatan perundingan ICT

Program penggalakan bagi sektor ICT melibatkan penyertaan di dua Pameran Perdagangan Antarabangsa dan penganjuran dua Misi Pemasaran Khusus dengan jumlah jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM164.03 juta. Antara negara yang disasarkan bagi penggalakan eksport ICT adalah Emiriyah Arab Bersatu, Republik Rakyat China, Mesir dan Jerman.



1



2

▶
1 *Gitex 2009*, Dubai, Emiriyah Arab Bersatu 2 Berinteraksi dengan pelanggan berpotensi di *Gitex 2009*, Dubai, Emiriyah Arab Bersatu

Minyak dan Gas

Malaysia mempunyai pengalaman lebih dari 25 tahun dalam sektor perkhidmatan fabrikasi kemudahan luar pesisir dan *onshore*. Di dalam sektor minyak dan gas, perkhidmatan yang dieksport termasuk di dalam bidang:

- Kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pentauliahan & pemasangan (EPCC)
- Fabrikasi
- Logistik, *transshipment*, *floating storage*, *offshore marine vessels*
- Pengurusan alam sekitar
- Pembangunan infrastruktur
- Kelengkapan mengikut tempahan

Pasaran tumpuan termasuk Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Qatar, Bahrain, ASEAN, India, Australia, Asia Tengah, Amerika Syarikat, Mexico, Belanda, Norway, Afrika Selatan, Nigeria dan Mauritius.

Pada 2009, MATRADE telah menganjurkan dua Misi Pemasaran Khusus ke Emiriyah Arab Bersatu, Qatar, Oman serta Amerika Syarikat dan satu Misi Belian ke Malaysia. Syarikat yang menyertai aktiviti-aktiviti penggalakan ini telah melaporkan jualan dalam rundingan bernilai RM159 juta.



▶
3/4 Keupayaan Malaysia dalam industri minyak dan gas

3



4

Kerjasama dengan Kementerian, Agensi dan Persatuan Perdagangan

Dalam melaksanakan aktiviti penggalakan eksport, MATRADE telah bekerjasama dengan Kementerian serta pelbagai agensi Kerajaan dan persatuan perdagangan.

Antaranya adalah:

- Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
- Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SME Corp)
- Majlis Promosi Perabot Malaysia (MFPC)
- Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC)
- Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC)
- Majlis Perakayuan Malaysia (MTC)
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Suruhanjaya Sekuriti (SC)
- Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDeC)
- Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC)
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)



Perkhidmatan Sokongan

- _Memperkasakan Pengeksport
- _Membimbing Pengeksport EKS
- _Sokongan Kewangan
- _Pemudahan Eksport
- _Anugerah Kecemerlangan Eksport

Memperkasakan Pengeksport

Selain penggalakan perdagangan, MATRADE juga berfungsi memupuk dan membangunkan komuniti pengeksport. Bagi mencapai objektif ini, MATRADE menganjurkan pelbagai program membina kapasiti, kemahiran pemasaran eksport dan meningkatkan kesedaran mengenai peluang-peluang pasaran antarabangsa. Program-program ini turut memberi tumpuan kepada peraturan-peraturan eksport, prosedur dan piawaian, kemudahan pembiayaan perdagangan, konsep penjenamaan dan program sokongan yang disediakan oleh Kerajaan.

MATRADE telah menganjurkan 37 program latihan yang terdiri daripada 17 seminar, lima taklimat, 10 bengkel, tiga sesi meja bulat, Konvensyen Usahawan Bumiputera dan *KL International Trade Forum* (KLITF). Sejumlah 6,147 peserta dari 4,542 syarikat telah mendapat manfaat daripada program-program ini. Antara topik yang dibincangkan adalah meliputi:

- Industri khusus seperti Informasi dan Teknologi Komunikasi, Elektrik dan Elektronik, Getah, Pembinaan dan Pendidikan;
- Topik peningkatan kemahiran seperti pembiayaan perdagangan, pengurusan perhubungan pelanggan, penjenamaan dan hak harta intelek, *The 12 steps for successful exporting* dan kredit dokumentasi lanjutan;
- Piawaian dan peraturan seperti *legal aspects of doing business* di Oman dan *quality management: Linking TPOs and National Standard Bodies (NSBs) for export success*;
- Peluang perniagaan di Persekutuan Rusia, Pakistan, Senegal, Iraq, Vietnam, Ukraine, Uzbekistan dan Zambia; dan
- Memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas bagi memperluaskan pasaran eksport.

Seminar dan bengkel yang dianjurkan dengan kerjasama kedutaan asing, agensi-agensi dan syarikat termasuk:

- Seminar "*Business Opportunities in Russia*" dengan Kedutaan Persekutuan Rusia;
- Seminar "*Empowering Business through E-commerce on eBay*" dengan eBay dan PayPal;
- Seminar "*Business Opportunities in Construction and Education in Zambia*" dengan MASSA ;
- Bengkel "*Quality Management : Linking Trade Promotional Organisations (TPOs) and NSBs for Export Success*" dengan Jabatan Standards Malaysia;
- Seminar "*Protecting Intellectual Property Rights (IPRs): Issues and Challenges*" dengan KASS International Sdn. Bhd.; dan
- Seminar "*Trade and Investment Opportunities in Vietnam*" dengan Kedutaan Republik Sosialis Vietnam.



1



2



1 YB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia yang terdahulu, menemui media selepas perasmian Konvensyen Usahawan Bumiputera 2009
2 Para peserta Sesi Taklimat dan Rundingan (B&C) 2009 MATRADE

Membimbing Pengeksport EKS

MATRADE membantu EKS memasuki pasaran global melalui program khusus bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan. Antara program yang dianjurkan termasuk seminar, taklimat, sesi rundingan dan khidmat nasihat yang meliputi pelbagai topik berkaitan perdagangan seperti kewangan, penjenamaan, pemasaran antarabangsa serta syarat-syarat dan peraturan-peraturan perdagangan.

EKS memasarkan produk dan perkhidmatan mereka melalui penyertaan dalam program penggalakan seperti Misi Belian dan Misi Pemasaran Khusus yang dianjurkan oleh MATRADE. Misi Belian memberi peluang kepada EKS bertemu dengan pembeli antarabangsa bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka tanpa perlu keluar negara. Di samping itu, MATRADE juga menyediakan bantuan kewangan kepada EKS yang menceburi pasaran antarabangsa melalui Geran Pembangunan Pasaran (MDG). Pada 2009, sejumlah RM22.61 juta dalam bentuk geran telah disalurkan dan ia telah dimanfaatkan oleh 1,272 EKS.

Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) dan Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP) merupakan dua program khusus anjuran MATRADE bagi membantu EKS Bumiputera dan syarikat milikan wanita.

1 Seminar berkenaan peluang perniagaan di Persekutuan Rusia



Membangun Pengeksport Bumiputera

Melalui Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP), MATRADE telah membantu memupuk dan membangunkan syarikat EKS milik Bumiputera. BEDP adalah program sokongan selama tiga tahun yang menumpukan usaha membangun dan mempertingkatkan pengetahuan serta kemahiran mengeksport syarikat Bumiputera. Program ini melibatkan penyertaan dalam seminar, bengkel, lawatan sambil belajar, sesi rundingan dan bimbingan perniagaan secara khusus. Program ini juga memberi peluang kepada syarikat yang terpilih untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka di luar negara melalui penyertaan

dalam tiga aktiviti penggalakan perdagangan antarabangsa setiap tahun.

Sejumlah 15 syarikat Bumiputera telah dipilih di bawah program BEDP pada 2009. Syarikat-syarikat ini menyertai 22 aktiviti penggalakan perdagangan, termasuk Pameran Perdagangan Antarabangsa khususnya *Anuga* (Jerman), *Spoga* (Jerman), *DesignBuild Australia*, *Indobuildtech* (Indonesia), *Hong Kong Houseware Fair*, *EXTEPO Japan*, Misi Pemasaran Khusus Makanan Diproses ke New York dan Toronto, serta Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Persekutuan Rusia.



 1/2 Syarikat-syarikat BEDP dalam perbincangan semasa bengkel MATRADE

Kejayaan AJV Electronics Sdn. Bhd.

AJV Electronics Sdn. Bhd. (AJV) yang ditubuhkan pada 5 Julai 1994 telah terpilih untuk menyertai BEDP pada Jun 2006. Teras perniagaan AJV ialah ICT dan telekomunikasi manakala pasaran eksport utama syarikat tersebut adalah Brunei, Oman, Indonesia dan Jerman.

Sepanjang tiga tahun penyertaan dalam program ini, AJV telah terlibat dalam Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Amerika Syarikat, Argentina, Mexico, India, Pakistan, Eropah, Korea Selatan, Jepun dan Hong Kong SAR. Syarikat ini juga menyertai *ASIA Plus Expo* di Johannesburg pada 2006, *CEBIT* di Hannover pada 2007 dan 2008 serta *Gillex* di Dubai pada 2008.

Menerusi BEDP, AJV mendapat manfaat seperti pendedahan kepada pasaran baru, memperolehi idea teknologi dan model perniagaan baru dari negara lain, peluang menemui prospek perniagaan baru serta memperluaskan rangkaian perniagaan.

AJV merancang untuk memperluaskan pasaran sasaran ke Timur Tengah seperti Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu, Negara Bebas Komanwel (CIS) seperti Turkmenistan dan Kazakhstan serta ASEAN. Syarikat ini juga merancang untuk mempelbagaikan produk termasuk kandungan serta aplikasi mudah alih dan tetap, aplikasi dan perkhidmatan teknologi *Radio-Frequency Identification* (RFID).

Memupuk Pengeksport Wanita

MATRADE telah mengambil inisiatif membantu EKS milikan wanita melalui Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP). Program sokongan selama tiga tahun ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan wanita bagi menceburi pasaran antarabangsa. Setiap tahun, syarikat WEDP akan ditaja untuk menyertai tiga aktiviti penggalakan di luar negara.

Sebanyak sembilan syarikat telah terpilih bagi menyertai WEDP pada 2009. Syarikat-syarikat ini telah menyertai 37 aktiviti penggalakan perdagangan termasuk Pameran Perdagangan Antarabangsa seperti *Natural Products Expo Asia* (Hong Kong SAR), *e-Learning Expo* (Korea), *ASEAN Gifts & Fashion Accessories Exhibition* (Jepun), *ASEAN Fashion Plus Fair* (Thailand); Misi Pemasaran Khusus berkenaan ICT ke Dubai dan Abu Dhabi; dan Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Eropah (Frankfurt, Milan dan London).

Kejayaan

Elit Purnama Sdn. Bhd.

Elit Purnama Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada November 1999 sebagai pengeluar pakaian wanita dan kanak-kanak. Syarikat ini telah terpilih menyertai WEDP pada Jun 2007. Program tiga tahun ini telah memberi manfaat kepada Elit Purnama khususnya peluang dalam menerokai pasaran dan memperkenalkan jenamanya secara global. Syarikat ini telah mengeksport ke Mexico, Sepanyol dan Australia dengan mensasarkan pasaran *niche* dan pengguna berpendapatan sederhana tinggi.

Melalui WEDP, Elit Purnama telah menyertai pelbagai aktiviti penggalakan eksport termasuk *Salon Internacional de Moda de Madrid* (Sepanyol), *Fashion Exposed Melbourne* (Australia), *Who's Next* (Perancis), *Pure London* (United Kingdom), *Motexha Spring 2009* (Emiriyah Arab Bersatu) dan *Bangkok International Fashion Fair* (Thailand). Selain daripada pameran perdagangan antarabangsa yang memfokuskan bidang perekaan fesyen, syarikat ini turut menganjurkan misi perniagaannya sendiri ke Dubai dan Tehran pada 2009. Penyertaan dalam aktiviti-aktiviti tersebut telah menjana jualan bernilai RM1.2 juta dan menyumbang kepada 20 peratus daripada jumlah jualan Elit Purnama pada 2009.

Elit Purnama merancang untuk memberi tumpuan kepada pembangunan pengetahuan, tanggungjawab sosial korporat (CSR), inovasi dan kreativiti bagi mengembang perniagaan,

menerokai pasaran baru serta menggunakan konsep penjenamaan baru. Pada masa akan datang, syarikat ini mensasarkan 50 peratus daripada jumlah jualan adalah menerusi pasaran eksport.



1 Syarikat-syarikat WEDP berdaftar untuk Sesi Taklimat dan Rundingan (B&C) MATRADE

Sokongan Kewangan

Geran Pembangunan Pasaran (MDG)

Geran Pembangunan Pasaran (MDG) menyediakan bantuan kewangan kepada EKS dalam bentuk geran bersamaan (*matching grant*) untuk menjalankan aktiviti penggalakan eksport di dalam dan luar negara. Antara aktiviti promosi yang layak untuk dituntut adalah penyertaan di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Misi Pemasaran Khusus dan pencetakan bahan promosi. Pada 2009, MATRADE telah meluluskan geran berjumlah RM22.61 juta kepada 1,272 syarikat. Jadual sebelah menunjukkan pecahan geran yang diluluskan mengikut aktiviti:

Geran Pembangunan Pasaran

AKTIVITI	JUMLAH TUNTUTAN	GERAN DILULUSKAN (RM)
Pameran Perdagangan Antarabangsa di Luar Negara	1,129	12,081,746.65
Pameran Perdagangan Antarabangsa di Dalam Negara	688	7,025,075.15
Penyediaan Bahan Promosi	384	2,423,388.30
Misi Perdagangan dan Pelaburan / Misi Pemasaran Khusus	183	771,734.30
Persidangan Antarabangsa Berkaitan Industri	27	135,718.55
Lain-lain	51	171,371.05


Geran Promosi Jenama (BPG)

BPG bertujuan membantu syarikat Malaysia membangun dan mempromosikan jenama tempatan ke pasaran antarabangsa. Geran bayaran balik (*reimbursable grant*) sehingga RM2 juta disalurkan kepada syarikat bagi menjalankan aktiviti pembangunan dan promosi jenama di luar negara.

Pada 2009, sejumlah 20 syarikat telah diluluskan untuk menerima geran ini yang bernilai RM33.8 juta, di mana 15 daripadanya merupakan EKS yang terlibat dalam pelbagai sektor seperti perabot, E&E, makanan dan minuman, ICT serta mesin dan kelengkapan.

Dari 2004 hingga 2009, sejumlah 89 syarikat telah menerima geran bernilai RM151.8 juta di bawah BPG. Carta sebelah menunjukkan pecahan geran mengikut aktiviti:

Geran Promosi Jenama




Dana Eksport Perkhidmatan (SEF)

SEF merupakan satu skim yang diberikan kepada Pembekal Perkhidmatan Malaysia untuk menerokai peluang di pasaran antarabangsa. Di bawah program ini, pembekal perkhidmatan layak untuk mendapatkan bayaran balik bagi perbelanjaan berkaitan aktiviti penggalakan eksport. Geran di bawah SEF meliputi perbelanjaan bagi penyertaan di dalam aktiviti penggalakan eksport, pembidaan tender dan kajian kemungkinan (*feasibility studies*) projek antarabangsa.

Pada 2009, sejumlah 674 pembekal perkhidmatan Malaysia telah menerima geran di bawah SEF yang berjumlah RM68.56 juta. Carta sebelah menunjukkan pecahan geran yang diluluskan mengikut aktiviti:

Dana Eksport Perkhidmatan



Pemudahan Eksport

Sesi Taklimat Dan Rundingan Perniagaan (B&C)

Bagi memupuk kesedaran mengenai perkhidmatan, kemudahan dan program bantuan yang ditawarkan, MATRADE telah menganjurkan sesi B&C di seluruh negara. Program ini juga memberi peluang kepada MATRADE untuk mendapat maklumbalas berkaitan isu-isu yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Malaysia yang ingin mengeksport.

Sesi ini merangkumi taklimat berkaitan topik-topik khusus, perbincangan bersama panel, sesi rundingan

serta klinik perdagangan bersama pengeksport Malaysia. Wakil daripada agensi Kerajaan dan organisasi perdagangan yang berkaitan turut hadir bagi memberi maklumbalas ke atas sebarang pertanyaan yang berkaitan.

Tujuh sesi B&C yang diadakan pada 2009 di Kuala Lumpur, Alor Setar, Melaka, Sandakan, Kuala Terengganu, Johor Bahru dan Kuching telah berjaya menarik penyertaan seramai 1,009 peserta.

Tumpuan Rujukan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

Tumpuan Rujukan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang ditubuhkan oleh MATRADE pada 2008 telah menganjurkan program-program kesedaran mengenai FTA di seluruh negara bagi meningkatkan penggunaan FTA oleh syarikat-syarikat Malaysia. Taklimat telah diadakan di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Tawau. Selain memberi maklumat kepada komuniti perniagaan, taklimat ini juga merupakan satu saluran bagi MATRADE untuk mendapatkan

maklumbalas mengenai isu-isu pelaksanaan FTA daripada pengeksport Malaysia.


Bagi meningkatkan kemahiran pegawai rujukan FTA dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan agensinya, sesi latihan yang telah dianjurkan di MATRADE, meliputi topik-topik mengenai produk yang layak, kadar tarif keutamaan dan prosedur bagi permohonan sijil tempasal (COOs).



Daftar Pengeksport Malaysia (MER)

MATRADE mengendalikan Daftar Pengeksport Malaysia (MER) yang merupakan pangkalan data yang mengandungi maklumat mengenai pengilang, syarikat dagangan, pembekal perkhidmatan dan pengilang kontrak. Syarikat yang berdaftar di MER menerima maklumat mengenai isu-isu perdagangan, risikan perdagangan, program penggalakan perdagangan serta aktiviti-aktiviti MATRADE. Selain daripada itu, kemudahan pepadanan perdagangan juga diberi keutamaan. Keahlian dalam MER adalah percuma dan pendaftaran boleh dibuat secara atas talian.

Pada 2009, sejumlah 1,299 syarikat telah berdaftar dengan MATRADE di mana 33 peratus adalah terdiri daripada pengilang, 24 peratus syarikat dagangan, 39 peratus pembekal perkhidmatan dan empat peratus syarikat pengilang kontrak. Pangkalan data ini memudahkan penyebaran maklumat kepada syarikat tempatan mengenai program penggalakan, maklumat berkaitan perdagangan dan pertanyaan pembeli asing berpotensi bagi mendapatkan produk Malaysia. Sehingga akhir tahun 2009, sejumlah 15,450 syarikat telah berdaftar dengan MER.

Daftar Pengeksport Malaysia mengikut Jenis Perniagaan





Pertanyaan Perdagangan

Pada 2009, MATRADE telah menerima sejumlah 18,352 pertanyaan perdagangan berkenaan produk dan perkhidmatan Malaysia melalui rangkaian globalnya. Tambahan pula, sejumlah 4,641 pertanyaan perdagangan juga diterima melalui talian bantuan e-mel MATRADE iaitu *info@matrade.gov.my*. Kebanyakan pertanyaan yang diterima adalah berkenaan pengeksporth dan pengilang Malaysia, senarai acara-acara perdagangan luar negara dan tempatan, permohonan MER, maklumat mengenai BPG dan MDG serta maklumat mengenai pemudahan eksport seperti tarif kastam, syarat dan peraturan serta dokumentasi eksport.

Pertanyaan Perdagangan yang diterima oleh MATRADE mengikut Rantau	
Eropah	4236
Asia Timur Laut	3577
Amerika Utara	2728
Asia Barat	2584
Asia Tenggara	2087
Afrika	1248
Amerika Latin	1136
Asia Selatan	490
Oceania	266
Jumlah Pertanyaan	18352

Pertanyaan Perdagangan yang diterima oleh MATRADE mengikut Sektor Produk dan Perkhidmatan	
Makanan dan Minuman	2594
Perkhidmatan / Konsultasi	1426
Perabot	1099
Elektrik dan Elektronik	934
Bahan Binaan	872
Getah	839
Ubatan dan Produk Farmaseutikal	702
Kimia	588
Kenderaan Bermotor dan Komponen	573
Minyak Sawit	535
Barangan Kayu	464
Barangan Plastik	436
Kertas dan Alat Tulis	412
Tekstil, Pakaian, Aksesori	399
Mesin, Jentera dan Kelengkapan	363
Kosmetik	346
Kasut	131
Barangan Cenderahati	115
Notis Tender Tempatan	77
Barangan Kaca	45
Barang Kemasan	29
Barangan Lain	2297
Pertanyaan Am	3076
Jumlah Pertanyaan	18352

Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC)

Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC), yang mempamerkan pelbagai produk serta perkhidmatan Malaysia merupakan pusat setempat bagi para pembeli antarabangsa. Perkhidmatan pertemuan perniagaan dengan syarikat Malaysia juga disediakan atas permintaan para pembeli asing yang berminat.

Sejumlah 389 syarikat mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di MEEC pada 2009 yang meliputi 36 sektor produk dan perkhidmatan. Antara produk yang dipamerkan adalah makanan dan minuman, produk kayu, getah, automotif dan alat ganti automotif serta produk berasaskan kimia. Sektor perkhidmatan yang dipamerkan adalah pendidikan, francais, kewangan dan logistik. Hampir 80 peratus pempamer di MEEC adalah terdiri daripada EKS.

Pada 2009, MEEC telah menerima kunjungan seramai 3,209 pelawat tempatan dan luar negara serta telah mengaturkan 137 pertemuan perniagaan di antara syarikat Malaysia dengan pembeli asing. MEEC juga menerima 2,076 pertanyaan perdagangan pada 2009.



1



2



3

1/2/3 Sampel produk-produk Malaysia di pameran tetap yang diselenggarakan oleh MATRADE 

MATRADE Help Desk (MHD)

MATRADE help desk (MHD) di ibu pejabat MATRADE merupakan tumpuan rujukan utama bagi pengendalian pertanyaan daripada ahli komuniti perniagaan tempatan dan asing mengenai program dan perkhidmatan MATRADE. Pertanyaan diterima melalui telefon, e-mel serta kunjungan pelawat. Pada 2009, MHD menerima 1,196 pertanyaan daripada syarikat tempatan dan luar negara. Pertanyaan-pertanyaan ini merangkumi pelbagai perkara dari

permohonan untuk geran, program penggalakan, pendaftaran dengan MATRADE sehingga mendapatkan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan pasaran Malaysia.


Perpustakaan Perniagaan MATRADE

Perpustakaan Perniagaan MATRADE mempunyai koleksi sumber yang meluas termasuk direktori, penerbitan berkala, buku, data statistik, pangkalan data atas talian dan CD-ROM bagi memudahkan kajian perdagangan yang meliputi produk, perkhidmatan dan pasaran.


Maklumat dalam perpustakaan ini sentiasa dikemaskini dengan informasi terkini termasuk statistik perdagangan, laporan pasaran, profil negara-negara, tarif kastam, syarat dan peraturan serta berita perdagangan daripada sumber antarabangsa dan tempatan. Pada 2009, Perpustakaan Perniagaan MATRADE telah

menerima 4,490 pertanyaan dan 1,122 pelawat. Perkhidmatannya telah digunakan oleh 3,521 pengguna. Perpustakaan MATRADE juga memperolehi 1,333 buku, 554 direktori, 1,113 penerbitan berkala dan 180 CD-ROM serta dilengkapi dengan 23 pangkalan data, termasuk *Global Insight's World Industry Service* yang baru dilancarkan.

Pertanyaan Rujukan Mengikut Perkara



Pertanyaan Rujukan Mengikut Produk



Pangkalan Data yang Terdapat di Perpustakaan Perniagaan MATRADE	
Pangkalan Data Dalam	
Hubungan Perniagaan	
Pengimport Asing	
Pengeksport Tempatan	
Konvensyen dan Pameran	
Statistik Perdagangan Malaysia	
Pameran Perdagangan	
Misi Perdagangan	
Program Latihan Pengeksport	
Misi Belian ke Malaysia	
Lain-lain Aktiviti Promosi	
Pangkalan Data yang Dilangani	
nexis.com	
PalmOilis	
Global Market Information Database (GMID)	
The Public Ledger	
eiu.com	
World Trade Atlas Online	
UN Development Business Online	
The Tariff Finder Online	
Global Insight's World Industry Service	
Pangkalan Data <i>International Trade Centre</i> (ITC)	
Trade Map	
Product Map	
Investment Map	
Market Access Map	

Senarai Pangkalan Data Mengikut Penggunaan	
Pangkalan Data	Jumlah
World Trade Atlas Online	2,141
eiu.com	1,661
Global Market Information Database (GMID)	1,600
Pengeksport Malaysia	1,495
nexis.com	1,458
Statistik Perdagangan Malaysia	430
Pengimport Asing	228
The Public Ledger	93
Hubungan Perniagaan	51
World Industry Service, Global Insight	48
The Tariff Finder Online	48
Program Latihan Pengeksport	37
Pameran Perdagangan	37
Misi Perdagangan	26
Trade Map	9
Konvensyen dan Pameran	9
Lain-lain Aktiviti Promosi	8
Misi Belian ke Malaysia	6
Product Map	5
Investment Map	2
Market Access Map	2
UN Development Business Online	1
PalmOilis	0
Jumlah	9,395

Laman Portal MATRADE

Laman portal MATRADE www.matrade.gov.my kekal sebagai perantaraan penting bagi menyebarkan maklumat berkaitan perdagangan dan perkhidmatan MATRADE serta mempromosikan produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran global. Bagi meningkatkan keberkesanan portal ini, *Really Simple Syndication* (RSS) dan *W3C Disability Access* telah diperkenalkan pada 2009 yang memberi penekanan kepada acara utama yang dianjurkan, siaran akhbar, teks ucapan serta prestasi perdagangan Malaysia. Menerusi kemudahan-kemudahan ini, para pengguna akan menerima berita terkini melalui portal tersebut.

Antara laman muka popular yang dilayari adalah berkaitan Maklumat Perdagangan, Direktori Produk Malaysia dan Maklumat Korporat MATRADE. Bagi memudahkan pengeksport Malaysia, beberapa aplikasi atas talian turut disediakan di laman ini. Permohonan bagi penyertaan dalam aktiviti MATRADE seperti pameran perdagangan, misi perdagangan dan program latihan pengeksport boleh dilakukan secara atas talian. Perkhidmatan atas talian ini juga boleh dicapai menerusi laman rasmi Kerajaan iaitu www.malaysia.gov.my.

MyExport

MyExport merupakan pangkalan perkhidmatan atas talian berasaskan langganan yang ditawarkan kepada pengeksport Malaysia yang berdaftar dengan MATRADE. Kemudahan ini membolehkan pengguna mendapatkan maklumat perdagangan penting yang dikemaskini oleh rangkaian pejabat MATRADE di luar negara. Ini termasuk maklumat seperti *Trade Leads*, pemberitahuan tender antarabangsa, *Market Alerts* dan *Product Market Studies*. Pengguna yang berdaftar boleh mengemaskini profil syarikat serta memuat naik gambar produk mereka ke dalam *Malaysia e-Directory*. Pada 2009, seramai 812 pengguna telah berdaftar dengan MyExport.

Penerbitan MATRADE seperti *Trade Mart* dan *MATRADE Online News* juga boleh dicapai oleh pengguna melalui MyExport. Kemudahan ini turut membolehkan pengguna menyemak status permohonan bagi aktiviti dan program bantuan yang disediakan oleh MATRADE secara atas talian.

MATRADE Mobile

Perkhidmatan mudah alih MATRADE yang ditawarkan menerusi <http://mobile.matrade.gov.my> memudahkan pengeksport Malaysia mencapai maklumat berkaitan perkhidmatan MATRADE, alamat pejabat-pejabat MATRADE, acara anjuran MATRADE, Statistik Perdagangan Malaysia dan pengeksport Malaysia yang berdaftar dengan MATRADE.

Status permohonan penyertaan dalam acara anjuran MATRADE boleh disemak melalui portal mudah alih ini. Selain daripada portal mudah alih, sejumlah 3,467 Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) telah diterima mengenai pertanyaan berkaitan acara anjuran MATRADE, borang permohonan Geran dan alamat pejabat-pejabat MATRADE.

Penerbitan MATRADE

Penerbitan yang dikeluarkan oleh MATRADE bertujuan untuk menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang pasaran eksport serta keupayaan pengilang dan pembekal perkhidmatan Malaysia. Ini termasuk penerbitan direktori perdagangan, risalah serta buku panduan bagi pengeksport, maklumat berkaitan acara tempatan dan luar negara yang diterbitkan setiap bulan serta kalendar dwi-tahunan mengenai jadual acara perdagangan utama yang dianjurkan di Malaysia.

Bagi memudahkan proses pepadanan perniagaan, MATRADE melalui m@trade.leads mengumpul maklumat berkaitan pertanyaan daripada pembeli asing yang ingin mendapatkan pembekal produk dan perkhidmatan Malaysia. Trade Mart yang merupakan buletin dwi-bulanan yang menyalurkan maklumat terkini berkaitan pembangunan perdagangan, panduan pengeksport, pemantauan pasaran, peluang-peluang pasaran, berita perniagaan dan acara yang dianjurkan dan disertai oleh MATRADE.

Penerbitan ini diedarkan secara meluas kepada komuniti perniagaan di dalam dan luar negara termasuk dewan perniagaan, persatuan perdagangan dan industri, majlis-majlis perniagaan dan gabungan persatuan perdagangan.

Penerbitan yang dikeluarkan dalam tahun 2009 termasuk:

Direktori Perdagangan

- *Malaysia Confectionery 2009*
- *FMM-MATRADE Industry Directory-Food & Beverage 2010/11* (dengan kerjasama Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia)

Buku Panduan (*Handbook*)

- *Malaysia Your Business Partner* (MYBP)

Penerbitan Elektronik

MATRADE Online News merupakan siri penerbitan yang dikeluarkan sebanyak dua kali sebulan kepada semua syarikat yang berdaftar dengan MATRADE. E-newsletter ini mengandungi maklumat mengenai aktiviti perdagangan yang bakal dianjurkan dan disertai oleh MATRADE, perkembangan berkaitan peraturan perdagangan luar negara, *market alerts* dan peluang-peluang eksport di pasaran global. Pada 2009, MATRADE telah menerbitkan sebanyak 25 siri e-newsletter.

Manakala, m@trade.leads merupakan satu lagi penerbitan elektronik yang mengandungi pertanyaan perdagangan dari pembeli asing. Ianya dihantar setiap minggu kepada syarikat yang berdaftar dengan MATRADE.

Risalah Bulanan

- Acara akan datang [12 risalah: Januari hingga Disember 2009]

Kalendar Dwi-Tahunan

- *Malaysia Conventions and Exhibitions* [Dua terbitan: Mac dan September 2009]

Buletin Dwi-Bulanan

- *Trade Mart* [enam terbitan]

Buku Panduan Pengeksport

- *Beginners Guide to Exporting*
- *CE-Marking*
- *FTA Series - Malaysia FTAs*
- *Guidelines for Application of BPG*
- *Guidelines for Application of MDG* (Dwi-bahasa)

Risalah

- *ASEAN-Japan Comprehensive Economic Partnership* (AJCEP)
- *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* (MJEPA)
- *Malaysia-Pakistan Closer Economic Partnership Agreement* (MPCEPA)
- *International Trade Fairs in Malaysia 2009/10* (Tahunan)
- Risalah-risalah Bahasa Malaysia
 - > Kenali MATRADE
 - > Aktiviti Promosi MATRADE
 - > Panduan Mengeksport
 - > Daftar Pengeksport & Portal MATRADE
 - > Kenali Perjanjian Perdagangan Bebas

Terbitan Elektronik

- m@trade.leads [52 terbitan / mingguan]

Anugerah Kecemerlangan Eksport

Anugerah Kecemerlangan Eksport adalah antara kategori anugerah di bawah Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) yang dianjurkan setiap tahun oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. MATRADE merupakan sekretariat untuk AKI dalam kategori berikut:

1. Anugerah Kecemerlangan Eksport (Dagangan)
2. Anugerah Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan)
3. Anugerah Kecemerlangan Jenama (Dagangan)
4. Anugerah Kecemerlangan Jenama (Perkhidmatan– Profesional dan Bukan Profesional)

Anugerah Kecemerlangan Eksport bagi Produk dan Perkhidmatan diberikan kepada syarikat-syarikat sebagai pengiktirafan komitmen dan usaha mereka di dalam menembusi pasaran eksport. Anugerah Kecemerlangan Jenama bagi Produk dan Perkhidmatan pula diberikan kepada syarikat-syarikat sebagai pengiktirafan pelaburan mereka dalam membangun dan mempromosikan jenama Malaysia di peringkat antarabangsa. Pemenang-pemenang Anugerah Kecemerlangan Eksport dan Anugerah Kecemerlangan Jenama bagi 2009 adalah:

Anugerah Kecemerlangan Eksport 2009 (Dagangan)

- Zentretech Resources Sdn. Bhd.
- Hexa Analisa Sdn. Bhd.
- Hyrax Oil Sdn. Bhd.
- Alami Vegetable Oil Products Sdn. Bhd.

Anugerah Kecemerlangan Eksport 2009 (Perkhidmatan)

- Minconsult Sdn. Bhd.
- Sunway Education Group Sdn. Bhd.
- Eversendai Corporation Sdn. Bhd.
- INSPIDEA Sdn. Bhd.
- Scicom (MSC) Bhd.

Anugerah Kecemerlangan Jenama 2009 (Dagangan)

- Coffeeland Sdn. Bhd.
- Cranberry (M) Sdn. Bhd.
- Joven Electric Co. Sdn. Bhd.
- Power Root (M) Sdn. Bhd.

Anugerah Kecemerlangan Jenama 2009 (Perkhidmatan)

- Smart Reader Worldwide Sdn. Bhd.






**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia pada 31 Disember 2009 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.


(TOHA BIN SHARIF)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 OGOS 2010



**PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN
LUAR MALAYSIA**

**PENYATA Pengerusi dan
SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, **ABDUL RAHMAN MAMAT** dan **KOSHY A/L THOMAS** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia pada 31hb Disember 2009 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


Bagi pihak Lembaga Pengarah,



(TAN SRI ABDUL RAHMAN MAMAT)
Pengerusi

Tarikh: 3/8/2010

Tempat: KUALA LUMPUR



(ENCIK KOSHY A/L THOMAS)
Ahli

Tarikh : 30 JUL 2010

Tempat : KUALA LUMPUR

**PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN
LUAR MALAYSIA**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN
LUAR MALAYSIA**


Saya, **NOHARUDDIN NORDIN**, K.P. No : 560210-06-5351, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
)
diakui oleh penama di atas)
)
di KUALA LUMPUR pada)
 29 JUL 2010)



(DATO' NOHARUDDIN NORDIN)

Dihadapan saya



PESURUHJAYA SUMPAAH



Alamat tempat perniagaan
Medan Selera Duta
Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur

**PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA
(MATRADE)
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009**

	Nota	2009 RM	2008 RM (Dinyatakan semula)
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	5	20,029,253	24,491,442
ASET SEMASA			
Tunai dan Baki di Bank	6	32,000,571	24,538,994
Deposit dengan Institusi Kewangan		90,431,823	32,038,836
Faedah Simpanan Tetap Terakru		53,891	38,821
Penghutang, deposit dan prabayar	7	29,775,996	33,813,371
Cukai Boleh Pulih		461,490	-
JUMLAH ASET SEMASA		152,723,771	90,430,022
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang		9,206,532	11,938,686
Dana Pembangunan Pasaran	8	19,638,914	8,605,818
JUMLAH LIABILITI SEMASA		28,845,446	20,544,504
ASET SEMASA BERSIH		123,878,325	69,885,518
JUMLAH ASET BERSIH		143,907,578	94,376,960
DIBIYAI OLEH:			
KUMPULAN WANG:			
Kumpulan Wang Terkumpul		23,791,711	31,478,997
Kumpulan Wang Pembangunan	9	117,515,867	60,297,963
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		2,300,000	2,300,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		300,000	300,000
Geran Modal Tertunda	10	-	-
		143,907,578	94,376,960

Nota-nota di muka surat 5 hingga 18 adalah sebahagian daripada Penyata ini.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA
(MATRADE)
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

PENDAPATAN	Nota	2009 RM	2008 RM
Sumbangan Kerajaan	11	136,700,000	178,600,964
Geran Pembangunan dilunaskan	9	46,550,587	-
Lain-lain Pendapatan	12	7,376,144	9,101,175
		190,626,731	187,702,139
TOLAK : PERBELANJAAN			
Emolumen	13	49,774,407	47,309,933
Lain-lain Perbelanjaan Mengurus	14	142,516,707	131,604,610
Susutnilai	5	5,554,504	6,520,057
		197,845,618	185,434,600
(KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		(7,218,887)	2,267,539
Cukai	15	50,090	(548,525)
(KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI	9	(7,168,797)	1,719,014

Nota-nota di muka surat 5 hingga 18 adalah sebahagian daripada Penyata ini.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA
(MATRADE)**

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Kumpulan Wang Terumpul RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Kenderaan RM	Kumpulan Wang Komputer RM	Jumlah RM
2008					
Baki pada 1 Januari 2008	90,057,946	-	2,300,000	300,000	92,657,946
- seperti dinyatakan terdahulu	(60,297,963)	60,297,963	-	-	-
- pelarasan tahun lepas (Nota 17)					
- seperti dilaporkan semula	29,759,983	60,297,963	2,300,000	300,000	92,657,946
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai	1,719,014	-	-	-	1,719,014
Baki pada 31 Disember 2008	31,478,997	60,297,963	2,300,000	300,000	94,376,960
2009					
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Selepas Cukai	(7,687,286)	518,489	-	-	(7,168,797)
Tambahan Kumpulan Wang Pembangunan Perlunasan Kumpulan Wang Pembangunan	-	103,250,000 (46,550,585)	-	-	103,250,000 (46,550,585)
Baki pada 31 Disember 2009	23,791,711	117,515,867	2,300,000	300,000	143,907,578

**PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA
(MATRADE)
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebih pendapatan sebelum cukai Pelarasan:-	(7,218,887)	2,267,539
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	5,554,504	6,520,057
Untung atas pelupusan aset tetap	(6,604)	(34,694)
Faedah atas simpanan tetap	(886,375)	(53,584)
Faedah atas akaun semasa	(201,496)	(197,389)
Geran Modal Tertunda - Pendapatan Projek MATRIIX	-	(45,999)
Geran Pembangunan yang diterima dan belum dilunaskan:		
Dana Mempromosi Jenama	37,630,112	-
Dana Promosi Eksport Perkhidmatan & <i>Malaysia Kitchen</i>	19,069,302	-
Pengubahsuaian pejabat tahun sebelumnya dicaj ke belanja penyelenggaraan	4,064,793	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	58,005,348	8,455,930
Perubahan modal kerja:-		
Pelbagai penghutang	4,037,375	21,436,111
Pelbagai pemiutang	(2,732,154)	1,732,012
Dana Pembangunan Pasaran	11,033,096	5,836,228
Faedah Simpanan Tetap Terakru	(15,070)	(38,821)
Tunai dihasilkan daripada operasi	70,328,595	37,421,460
Faedah yang diterima Cukai dibayar	1,087,871 (411,400)	250,973 (548,525)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	71,005,066	37,123,908
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(5,194,630)	(6,945,497)
Lebih dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan	44,128	152,591
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(5,150,502)	(6,792,906)
Penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	65,854,564 56,577,830	30,331,002 26,246,828
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	122,432,394	56,577,830
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Deposit dengan Institusi Kewangan	90,431,823	32,038,836
Tunai dan Baki di Bank	32,000,571	24,538,994
	122,432,394	56,577,830

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. MAKLUMAT AM

MATRADE telah ditubuhkan di bawah Akta MATRADE 1992 (Akta 490) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1993 dengan tujuan menggalak, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan penekanan tertentu ke atas eksport keluaran kilang dan separa kilang serta perkhidmatan bagi membolehkan pengeksport Malaysia berdaya saing di pasaran global dan seterusnya meningkatkan eksport negara. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan utama di dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Alamat pejabat berdaftar dan alamat operasi utama MATRADE adalah di Menara MATRADE, Jalan Khidmat Usaha, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan MATRADE telah disediakan berasaskan kepada piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan berkenaan di Malaysia dan mengikut kehendak-kehendak Akta MATRADE 1992 (Akta 490).

3. POLISI-POLISI PENYATA KEWANGAN PENTING

a) Konvensyen perakaunan

Penyata kewangan MATRADE telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam polisi-polisi perakaunan lain.

4. DASAR-DASAR PENYATA KEWANGAN PENTING

a) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat setiap aset. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan ialah seperti berikut:-

Kenderaan dan jentera	20%
Perabot dan kelengkapan pejabat	10%
Peralatan elektronik	20%
Sekatan pejabat	10%
Pengubahsuaian pejabat	20%
Komputer dan peralatan	20%
Bangunan dan hartanah	2%

Bagi aset yang diperolehi sepanjang tahun semasa, pengiraan susutnilai dibuat mengikut tarikh belian.

Bagi aset yang bernilai kurang dari RM1,000 akan dicajkan dalam Penyata Pendapatan.

Kos bagi kerja-kerja pengubahsuaian pejabat terhadap premises/bangunan yang disewa akan dicajkan dalam Penyata Pendapatan.

b) Penghutang dan pelbagai penghutang

Penghutang perdagangan dan penghutang lain dinyatakan pada kos tolak peruntukan hutang ragu. Hutang lapuk yang dikenalpasti dilupuskan dalam tahun hutang lapuk berkenaan dikenalpasti.

c) Pemiutang dan pelbagai pemiutang

Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang dinyatakan pada kos bagi barang dan perkhidmatan yang diterima di mana pertimbangan pada nilai saksama bayaran akan dibayar pada masa depan.

d) Geran Kerajaan Persekutuan

Geran Mengurus tahunan yang diterima untuk tujuan membiayai perbelanjaan mengurus adalah diambilkira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan tahun semasa.

Geran Pembangunan yang diterima selain daripada tunai dan berkaitan dengan perbelanjaan operasi diambilkira sebagai "Geran Modal Tertunda".

e) Geran Modal Tertunda

Geran Modal Tertunda diiktiraf sebagai pendapatan dalam sesuatu tempoh bagi tujuan memadankan pendapatan tersebut dengan kos-kos yang berkaitan, dengan menggunakan asas yang sistematik.

f) Transaksi Mata Wang Asing

Aset dan tanggungan dalam mata wang asing telah ditukarkan ke Ringgit Malaysia menurut kadar pertukaran rasmi dan tarikh urusan. Urusniaga dalam mata wang asing sepanjang tahun telah ditukar kepada ringgit pada kadar rasmi tarikh urusan berkenaan. Keuntungan dan kerugian akibat pertukaran mata wang asing diambilkira dalam Penyata Pendapatan.

Kadar pertukaran mata wang asing pada penutupan akhir tahun yang digunakan dalam urusan mata wang asing adalah seperti di bawah:-

	2009	2008
	RM	RM
i) 1 Dolar Amerika	3.42	3.62
ii) 1 Paun Sterling	5.69	5.55
iii) 1 Dolar Singapura	2.46	2.40
iv) 1 Dolar Australia	3.15	2.37
v) 1 Renmimbi China	0.50	0.53
vi) 1 Euro	5.10	4.60
vii) 1 Rand Afrika Selatan	0.45	0.36
viii) 1 Real Brazil	1.96	1.59
ix) 1 Pound Mesir	0.62	0.65
x) 1 Ukraine Hryvnia	0.42	0.60
xi) 1 Uzbekistan Sum	0.002	0.002
xii) 100 Schilling Kenya	4.58	4.64
xiii) 100 Rupee India	7.37	7.47
xiv) 100 Won Korea	0.29	0.26
xv) 100 Peso Chile	0.67	0.55
xvi) 100 Yen Jepun	3.82	3.74
xvii) 100 New Taiwan Dolar	10.57	10.95
xviii) 100 Rouble Russia	11.72	13.14
xix) 100 Dolar Hong Kong	44.14	46.73
xx) 100 Riyal Arab Saudi	91.22	96.53
xxi) 100 Dirham U.A.E.	92.29	97.61
xxii) 100 Rupiah Indonesia	0.04	0.03
xxiii) 100 Forint Budapest	1.87	1.73
xxiv) 100 Baht Thailand	10.28	10.32
xxv) 100 Peso Filipina	7.27	7.37

g) Percukaian

Mulai tahun 1998, pendapatan faedah kecuali faedah untuk skim pinjaman kenderaan, komputer dan perumahan, pendapatan dividen, sewa dan lain-lain pendapatan daripada aktiviti komersial yang lain akan dikenakan cukai.

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit pada tahun kewangan semasa terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan amaun cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi lebihan bercukai bagi tahun berkenaan, dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh lembaran imbalan.

